


Jilid I
Bil. 1



Hari Isnin
23hb Oktober, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 13]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA [Ruangan 13]

Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 13]

Mengalu-alukan Ahli-ahli baru [Ruangan 21]

Ucapan Takziah atas kematian Datuk Chan Kwong Hon [Ruangan 21]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 21]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 22]

USUL-USUL:

Jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 44]

Jawatankuasa Pemilih—Perlantikan Ahli-ahli [Ruangan 44]

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 45]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P., S.D.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF (Sabah).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Husein.
Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.
Penolong Penyunting: P. B. Menon.
Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Nghoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 23hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad.

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

**TITAH UCAPAN
DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada hari Isnin, 9hb Oktober, 1978 yang lalu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan diRaja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata Rasmi Parlimen.

Bismillahir-rahmanir-rahim.

Segala puji kepada Allah Subhanahu-wa-ta'ala, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad Salla'llahu 'alaihi wa-sallam.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat:

Beta mengucapkan syukur ke hadrat Allah subhanahu-wa-ta'ala, yang telah melimpahkan rahmatNya bagi Beta melafazkan Titah Ucapan, sempena upacara pembukaan rasmi Penggal Pertama Parlimen Kelima pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Beta berasa amat sukacita kerana Pilihanraya Umum telah berjalan dengan lancar dan teratur. Beta melafazkan penghargaan kepada semua pihak yang berkenaan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih Beta mengucapkan tahniah. Dengan selesainya masalah pemilihan, masanya telah tiba bagi Ahli-ahli Yang Berhormat menumpukan sepenuh perhatian kepada tugas, tanggungjawab dan kewajipan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai wakil rakyat. Beta juga menyeru rakyat, yang telah memberi mandat kepada pemimpin-pemimpin mereka, supaya melupakan perbezaan jahaman politik masing-masing, untuk bersatupadu memberi sokongan kepada usaha memenuhi semua dasar dan matlamat negara, seperti yang telah diputuskan oleh rakyat sendiri.

Malaysia sekarang telah merdeka selama 21 tahun. Buat kali pertamanya, satu generasi rakyat Malaysia merdeka telah mengambil tempat sebagai warganegara sepenuhnya. Di samping aspirasi dan harapan baru, generasi ini perlu menghargai kebebasan dari tekanan penjajahan, supaya mereka tidak akan lalai dalam perjuangan memelihara kemerdekaan Malaysia. Janganlah membenarkan diri dipengaruhi oleh fahaman asing yang boleh menjejaskan kebebasan kita.

Rakyat Beta telah membuktikan bahawa mereka mempunyai kebolehan dan keupayaan untuk memajukan negara dan meninggikan taraf hidup kita. Segala kecekapan, tenaga dan kekayaan negara akan digunakan oleh Kerajaan Beta yang berjiwa rakyat untuk melaksanakan berbagai rancangan, supaya pembangunan menjadi lebih pesat dan taraf hidup rakyat, terutamanya mereka yang miskin, dapat ditinggikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Walaupun taraf kecekapan jentera pentadbiran Kerajaan keseluruhannya adalah tinggi, tetapi memandangkan meningkatnya beban kerja dan aspirasi rakyat serta bertambah kompleksnya pentadbiran moden, Kerajaan Beta telah melancarkan satu usaha membaharui sistem dan alatan yang meliputi seluruh jentera Kerajaan. Melalui pembaharuan ini, berbagai halangan akan dapat diatasi dengan berkesan dan cepat. Kepada seluruh pegawai dan kakitangan Kerajaan, Beta menyeru supaya menyesuaikan diri dengan perubahan yang akan dilakukan dan berkhidmat dengan penuh semangat serta kebanggaan, untuk kejayaan dan kesejahteraan tanahair.

Ekonomi negara telah berkembang dengan pesat dan teguh. Prestasi yang baik ini membolehkan kita meningkatkan kemampuan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Kajian Semula Separuh-Penggal Rancangan Malaysia Ketiga sedang dijalankan untuk menentukan taraf pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan Beta berharap kajian ini akan menentukan masalah-masalah besar yang perlu diatasi, supaya tercapai sepenuhnya peringkat pembangunan yang telah ditentukan. Peruntukan tambahan dan pembetulan sistem pelaksanaan akan dibuat untuk mencapai maksud ini.

Sebagai satu lagi usaha ke arah membasmi kemiskinan dan mengatasi berbagai masalah yang dihadapi oleh kaum belia, satu Dasar Pertanian Negara yang baru sedang dibentuk. Adalah diharapkan bahawa dasar pertanian baru ini akan menjadi panduan, bagi perkembangan ekonomi pertanian yang lebih tersusun dan berfaedah kepada negara.

Usaha menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negeri akan diteruskan, dengan mengadakan galakan-galakan "fiscal" serta berbagai aktiviti dan tindakan yang berkesan. Sebuah unit pusat telah ditubuhkan untuk memudah dan meringkaskan proses pelaburan.

Kerajaan Beta memandang berat masalah dadah, yang melibatkan terutamanya golongan belia. Usaha mencegah penyakit ini akan ditambahkan. Beta menggesa segenap lapisan masyarakat, supaya sentiasa berwaspada dan melibatkan diri dalam usaha pencegahan ini, sebagai tanggungjawab keluarga dan anggota masyarakat.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Berkat semangat yang gigih dan gerakan yang berlipat ganda Pasukan Keselamatan Beta dengan kerjasama rakyat seluruhnya, maka keadaan keselamatan negara sekarang lebih terkawal. Dalam pada itu, rakyat Beta hendaklah sentiasa bersedia menghadapi musuh-musuh negara. Penyertaan rakyat dalam badan-badan mengawal keselamatan, akan meringankan beban Pasukan Keselamatan Beta, serta menyedarkan rakyat akan pengorbanan mereka dalam mempertahankan negara. Beta yakin bahawa dengan berpegang teguh kepada ajaran agama dan berpandukan kepada prinsip-prinsip Rukunegara, ancaman pengganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional dapat dihapuskan.

Dalam bidang hubungan luar negeri, Kerajaan Beta akan terus menguatkan kerjasama serantau Asia Tenggara dan berusaha lagi untuk mewujudkan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali. Peranan Malaysia dalam bidang kerjasama serantau di kalangan negara-negara anggota ASEAN akan dipergiatkan. Pengaruh ASEAN sudah mula berkembang di kalangan masyarakat antarabangsa. Usaha-usaha Kerajaan Beta akan dilipat-gandakan supaya menjamin kestabilan, kemakmuran dan keamanan serantau.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Beta suka mengambil peluang di sini membuat seruan kepada semua rakyat berbilang keturunan di dalam negara ini, berganding bahu menyokong penuh usaha-usaha murni oleh Perdana Menteri Beta yang dikasihi, dalam memupuk semangat perpaduan di kalangan warganegara Malaysia. Kemajuan yang dicapai dalam bidang ekonomi, sosial dan politik tidak akan dinikmati berterusan, sekiranya kaum-kaum yang menjadi warganegara Malaysia yang dicintai ini tidak bersatu. Perbezaan dari ciri-ciri keturunan, agama, kebudayaan dan fahaman politik hendaknya tidak diperbesar-besarkan sehingga membawa kepada perpecahan perpaduan. Sikap toleransi perlu dikekalkan. Yang hendak dititik-beratkan ialah persamaan serta persefahaman tekad dan cita-cita untuk mewujudkan satu masyarakat bersatu-padu. Matlamat ini berkehendakkan kerjasama dari semua lapisan rakyat jelata. Dengan adanya pemimpin yang jujur dan bertanggungjawab serta adanya rakyat yang insaf akan peranannya sebagai warganegara yang patriotik, baharulah dapat kita bersama-sama mara ke hadapan mewujudkan sebuah negara yang kukuh, aman dan makmur.

Akhir kata, Beta berdoa kehadrat Allah Subhanahu-wa-ta'ala semoga dianugerahkan taufik dan hidayah kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat sekalian dalam menjalankan tugas, tanggungjawab dan kewajipan yang diamanahkan.

The English Translation is as follows:

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe and may the Blessings and Peace of Allah be upon our Prophet Muhammad.

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat:

I offer my humble gratitude to Allah, Lord of the Universe, for His Grace and Blessings which enable me to deliver this Address on the occasion of the official opening of the First Session of the Fifth Parliament today.

Honourable Members:

I felt greatly gratified to note that the recent General Election had come to pass in a smooth and orderly manner. I wish to record my appreciation to all concerned. To the Honourable Members who have been elected I offer my congratulations. With the conclusion of the elections, the time has come for Honourable Members to devote their fullest attention to their tasks, responsibilities and duties as people's representatives. I would also like to urge the people who have given their mandate to their elected leaders to sink their political differences, and be united in supporting the task of fulfilling all national policies and objectives as determined by the people themselves.

Malaysia has been independent for 21 years. For the first time, a generation of free Malaysians have taken their place as adult citizens. Although they have their own hopes and aspirations which are new, it is important that this generation must learn to appreciate the value of freedom from colonialism, so that they might not lax in the defence of the independence of Malaysia. No alien ideologies which undermine our freedom should be permitted to have any influence over them.

My people have shown that they have the ability and capability to develop the country and improve the standard of living. Such capacity, energy and national wealth will be fully utilised by my Government which is characterised by the spirit of the people to implement various projects to bring about a more intensive development and to uplift the living standards especially of the poor.

Honourable Members:

The administrative machinery as a whole has attained a high degree of efficacy; however, due to the increase in the volume of workload, the rising expectations of the people and the

multiple complexity of modern administration, my Government has launched a programme to modernize the systems and tools of the entire government machinery. With these innovative measures all developmental constraints will be effectively and expeditiously surmounted. I, therefore, call upon all government officials and staff to adapt themselves to these coming changes and with full dedication and a sense of pride to provide a service that will bring success and prosperity to the nation.

The nation's economic growth has been rapid and steady. This performance will enable us to enhance our capacity in implementing development programmes. The Mid-Term Review of the Third Malaysia Plan is being undertaken in order to determine the achievement of the objectives of the New Economic Policy. My Government hopes that this review will identify the major problems that need to be resolved so that the development targets will be fully achieved. To this end additional allocations will be made and remedial measures in the implementation system will be undertaken.

To add yet another step in the endeavour at poverty redressal and to overcome the various problems of the youth, a new National Agriculture Policy is being formulated. It is hoped that this policy will be a guide for the development of a more organised agricultural economy with increasing benefit to the nation.

Efforts in promoting domestic and foreign investments will be intensified further through fiscal incentives as well as other meaningful measures. A central unit has been formed to facilitate and simplify the investment process.

My Government is greatly concerned with the problem of drug abuse particularly amongst youths. Efforts to curb this scourge will be increased. I urge every one at all levels to be continuously vigilant and be involved as a family and community responsibility in all preventive measures.

Honourable Members:

The valiant spirit and the intensified operations on the part of my Security Forces and with the co-operation of the people from all walks of life, have rendered the security situation in the country to be better controlled. Nevertheless, my people must be prepared at all times to confront the enemies of the nation. Participation by the people in security-oriented organisations will lighten the burden of my Security Forces, and engenders a sense of appreciation amongst the people regarding the sacrifices of these Security Forces in the defence of the nation. I am confident that by adhering strictly to religious teachings and guided by the principles of the Rukun Negara, we shall be able to eliminate the communist terrorist threats and the anti-national elements.

In the field of foreign relations, my Government will continue to give its priority to regional co-operation in South East Asia and to strive even harder for the establishment of a Zone of Peace, Freedom and Neutrality. Malaysia will intensify its role in regional co-operation amongst the ASEAN member countries. ASEAN influence has been felt amongst the international community. My Government will double its efforts to ensure stability, prosperity and peace for the region.

Honourable Members:

I wish to take this opportunity to call upon the people of all ethnic origins in this country, to join hands in support of the noble efforts of my beloved Prime Minister in his sincere task of forging a sense of solidarity among Malaysians. The economic, social and political accomplishments hitherto achieved will be thwarted if the citizens of various ethnic origins in this beloved country failed to unite. Emphasis on ethnic, religious, cultural and political differences should not be done on such a scale to destroy national unity. The spirit of tolerance should continuously be maintained. What must be highlighted is mutual understanding of common aims and objectives and the determination to establish a united people. In order to achieve this, the co-operation of people at all levels is imperative. Only with sincere and responsible leadership, together with citizens fully conscious of their patriotic duty can we march forward to establish a strong, peaceful and prosperous nation.

In conclusion, I pray to Allah, Lord of the Universe, that He may bestow His Blessings and Guidance on the Honourable Members of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in the discharge of the tasks, responsibilities and duties entrusted upon them.

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4 (3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Yang Berhormat Ahli-ahli yang berikut telah mengangkat sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan:

- (1) Yang Berhormat Tuan Abdullah bin Salleh pada 9hb Oktober, 1978; dan
- (2) Yang Berhormat Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf pada 9hb Oktober, 1978.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli-ahli yang baru yang telah mengangkat Sumpah di hadapan saya sebentar tadi dan yang telah mengangkat sumpah pada 9hb Oktober yang lalu dan berharap semoga mereka akan dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMATIAN DATUK CHAN KWONG HON

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berasa sedih memberitahu Dewan iaitu kita telah kehilangan seorang bekas Ahli Dewan Negara dengan meninggalnya Datuk Chan Kwong Hon pada 29hb Mei, 1978. Mending Datuk Chan Kwong Hon telah berkhidmat dengan cemerlangnya sebagai Ahli Dewan Negara selama 18 tahun. Untuk mengenangkan jasanya, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri bersama saya bertafakur selama satu minit.

(Majlis bertafakur selama seminit)

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Akta Perbekalan (Tambahan) 1976, 1977 dan 1978.
- (2) Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1978.
- (3) Akta Peruntukan Di-Raja (Pindaan) 1978.
- (4) Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1978.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

HADIAH SASTERA TAHUNAN

1. Tuan Ibrahim bin Abdullah: minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau akan meneruskan pemberian Hadiah Sastera Tahunan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa Hadiah Sastera Tahunan yang telah mula diberikan pada tahun 1971 dan yang terakhir sekali diberikan dalam tahun 1977 akan diteruskan dengan pemberian Hadiah Sastera secara yang lebih tinggi tarafnya. Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Majlis penyampaian Hadiah Sastera pada 11hb November, 1977 yang lalu, Hadiah Sastera Tahunan ini akan diganti dengan Anugerah Sastera.

Anugerah Sastera akan diberikan oleh Kerajaan kepada sasterawan yang telah menyumbangkan hasil sastera yang penting dan bermutu tinggi. Oleh itu Kerajaan tidak lagi meneruskan pemberian Hadiah Sastera kepada satu-satu tulisan yang baik yang ditulis pada tiap-tiap tahun tetapi anugerah akan diberikan kepada sasterawan yang pada keseluruhannya telah menyumbangkan hasil kesusasteraannya yang bermutu tinggi kepada negara ini.

Sejajar dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu juga Kerajaan berharap Hadiah Sastera Tahunan yang diberikan kepada satu-satu karya seperti yang dijalankan mulai daripada tahun 1971 hingga tahun 1976 itu diambil alih oleh badan-badan lain seperti penerbit-penerbit swasta, badan-badan penulis dan badan-badan Kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya, ada atau tidak Kerajaan menyiasat, menyelidik dengan teliti seseorang sasterawan itu walau bagaimana baik karyanya, ada atau tidak latarbelakang seseorang itu disiasat supaya jangan di dalam buku-buku yang ditulis itu ada berbau ideoloji-ideoloji komunis.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, memang Kerajaan akan meneliti segala tulisan-tulisan yang merupakan simbol kepada negara ini. Dan sekiranya ada didapati unsur-unsur kominis, memang kita tidak akan hargai kesusasteraan seumpama itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita rasa bangga dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan bahawa Kerajaan akan menganugerahkan Hadiah Sastera yang lebih tinggi pada tahun hadapan. Cuma saya hendak bertanya, adakah anugerah Hadiah Sastera ini terkhas kepada ahli sastera tempatan dan tidakkah boleh Kerajaan meluaskan kepada ahli sastera luar negeri yang sedikit sebanyak sumbangan karyanya ada memberi faedah kepada negara ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat buat masa ini hadiah-hadiah yang akan diberikan khususnya kepada sasterawan-sasterawan di negeri ini sahaja dahulu.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bagi meneruskan satu unsur yang baik negara ini dalam bahagian sastera sukalah saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah buku-buku yang telah dimenangi dalam peraduan sastera itu yang telah diadili ini, saya yakin pengadil-pengadil ini tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir kominis ataupun lain-lain anasir, bahkan tetap melahirkan sastera yang baik bagi negara. Jadi adakah pihak Jabatan Perdana Menteri berpendapat buku-buku yang telah dijadikan buku sastera ini boleh digunakan dalam pengajian tinggi baikpun di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara ataupun di peringkat universiti di negara ini supaya kemajuan sastera ini tidaklah terhad kepada sekelompok manusia tetapi meliputi seluruh bijak pandai yang akan kita telurkan kepada negara.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, memanglah kalau satu-satu buku sastera itu ada nilainya, ini harus diberi peluang kepada rakyat negeri ini membacanya. Dan jika perlu dijadikan buku teks, kerana sastera itu sebagaimana yang kita telah ketahui sekarang, iaitu negara kita sedang menggalakkan

supaya ramai ahli-ahli sastera memiliki buku-buku yang mempunyai nilai untuk pembangunan rohaniah dan jasmaniah di dalam negara kita ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, sudah ada atau tidak Kerajaan memberi nilai atau memberi hadiah kepada sasterawan-sasterawan yang berfahaman kominis dengan tidak menyiasat terlebih dahulu di atas perkara ini. Dan jikalau ada, bagaimana?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini, saya akan mengambil perhatian kerana saya tidak dapat hendak menentukan.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamad Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memang bersyukur kerana Hadiah Sastera itu telah digantikan dengan 'Anugerah Sastera' yang darjahnya lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menyedari bahawa bahan-bahan sastera di negara kita ini belumlah lagi banyak ataupun mencukupi dan saya suka bertanya selain daripada Hadiah Sastera yang akan dikekalkan itu yang akan dibiayai oleh badan-badan swasta, apakah lagi galakan-galakan yang Kerajaan boleh beri kepada penulis-penulis sastera kita supaya memperkayakan lagi sastera di negara kita.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya katakan tadi tentang Hadiah Sastera, mungkin Kerajaan akan mengambil perhatian memberi hadiah-hadiah kepada sasterawan-sasterawan yang boleh mengemukakan buku-buku sastera yang lebih baik dari semasa ke masa.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamad Yassin: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan selain daripada Hadiah Sastera dan diganti dengan Anugerah Sastera, saya suka bertanya apakah galakan-galakan yang lain. Yang saya tahu satu telah diberi umpamanya royalty yang diterima oleh seseorang penulis itu kalau tidak salah saya sebanyak \$3,000 telah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Saya suka bertanya jikalau ada rancangan lain seperti menggalakkan mereka melancung, memberi biasiswa kepada mereka, melihat negeri-negeri lain umpamanya. Adakah galakan-galakan yang lain?

Dato' Haji Mohamad bin Nasir: Belum ada lagi langkah-langkah yang seumpama itu dirancangan.

TABUNG KUMPULAN MODAL BUMIPUTRA

2. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah wang yang telah dikumpulkan oleh Syarikat Amanah Saham Mara Bhd. sehingga sekarang semenjak pelancaran Tabung Modal Bumiputra dalam tahun 1968 dan Tabung-tabung lain seterusnya dan nyatakan kemajuan dan perkembangannya sekarang.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Osman): Tuan Yang di-Pertua, sejak dilancarkan Tabung Kumpulan Modal Bumiputra yang pertama dalam tahun 1968 hingga sekarang jumlah wang yang dapat dikumpul semasa pelancaran tiap-tiap Tabung Kumpulan Modal Bumiputra ialah \$71,632,000. Wang ini dilaburkan di dalam 9 buah Tabung untuk membeli saham-saham yang dipasarkan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Tabung yang ke 10 akan dilancarkan pada 24hb ini iaitu esok. Jumlah dividen yang telah dikeluarkan oleh ke semua Tabung-tabung Kumpulan Modal Bumiputra ialah sebanyak \$14,611,827. Dividen purata yang dapat dikeluarkan oleh Tabung-tabung Kumpulan Modal Bumiputra setakat ini ialah seperti berikut:

Tabung Pertama	9%
Tabung Kedua	10%
Tabung Ketiga	9.2%
Tabung Keempat	9.2%
Tabung Kelima	9.2%
Tabung Keenam	7.5%
Tabung Ketujuh	5.6%
Tabung Kelapan	8.5%
Tabung Kesembilan	7.5%

Harga yunit Tabung-tabung Kumpulan Modal Bumiputra pula telah meningkat lebih daripada harga \$1.

Untuk mengetahui harga-harga ini, bolehlah disemak tiap-tiap hari melalui surat-surat-khabar tempatan. Ini ialah kerana yunit ini berubah tiap-tiap hari mengikut perubahan harga saham-saham di pasaran saham. Walau bagaimanapun, sebagai contoh pada 21hb Oktober, 1978 harga yunit-yunit Tabung Kumpulan Modal Bumiputra adalah seperti berikut:

		<i>Harga belian</i>	<i>Harga jualan</i>
Yang Pertama ...	\$3.29	\$3.34	
Yang Kedua ...	2.66	2.71	
Yang Ketiga ...	2.86	2.91	
Yang Keempat ...	2.84	2.89	
Yang Kelima ...	1.95	2.00	
Yang Keenam ...	1.68	1.73	
Yang Ketujuh ...	1.66	1.71	
Yang Kelapan ...	1.94	1.99	
Yang Kesembilan ...	1.52	1.57	

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu yang menunjukkan Lembaga Pengarah Syarikat Amanah Saham MARA Bhd. ini samada Kerajaan atau diangkat oleh Badan Amanah ini?

Kedua, adakah Kementerian ini akan mengkaji balik Syarikat Amanah Saham MARA Bhd. ini sebab pada akhir-akhir ini kita tengok beberapa kelembapan berlaku di atas syarikat ini.

Tuan Abdul Manan bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Lembaga Pengarah ini dilantik oleh Menteri. Syarikat ini ialah syarikat anak kepada Kompleks Kewangan yang dipunyai oleh MARA. Berhubung dengan sama ada syarikat ini lembab atau tidak, ini adalah atas interpretasi atau pendapat masing-masing.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa Syarikat Amanah Saham MARA Bhd. ini adalah salah satu daripada sumbangan yang benar-benar datangnya daripada kewangan kaum Melayu (bumiputra) kalau kita bandingkan dengan sumbangan yang dibuat oleh Kerajaan sebagai pengamanah dan melihat bahawa dalam tempoh 10 tahun semenjak 1968 sehingga sekarang kita hanya boleh mengumpul sebanyak \$71.6 juta; dapatkah Yang Berhormat

Menteri menyatakan bahawa beliau berpuashati atas pengumpulan modal Melayu (bumiputra) memandangkan hak yang akan diambil mengikut Dasar Ekonomi Baru sangatlah banyak iaitu daripada \$71.6 juta ini hanya sebahagian kecil sahaja peruntukan yang sepatutnya dimiliki oleh bumiputra. Adakah beliau berpuashati yang jumlah ini boleh mencukupi?

Tuan Abdul Manan bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu ialah samada kita berpuashati atau tidak. Ini adalah perkara "relative". Terpulanglah kepada bumiputra sendiri samada bumiputra itu mencukupi wang untuk melabur di dalam saham-saham ini, oleh kerana kita tahu bahawa bumiputra adalah kaum yang tidak berada di dalam negara kita ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya bukannya bumiputra puashati, saya hendak bertanya samada Kerajaan berpuashati kerana peruntukan duit bumiputra itu yang telah dikumpul setakat ini hanya \$71.6 juta sahaja dalam masa 10 tahun. Jadi kalau kita pandangan pada masa katalah 1980 atau 1990 wang yang perlu dikumpul oleh bumiputra itu sangat banyak, kalau tidak salah saya ribu juta. Saya hendak bertanya samada Kerajaan puashati dengan kumpulan setakat ini, setakat ini hanya kita boleh mengumpul sebanyak \$71.6 juta dalam 10 tahun.

Tuan Abdul Manan bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soal perlu dikumpul ialah satu perkara, tetapi soal keupayaan bagi bumiputra untuk melabur ialah perkara yang kedua yang mesti juga diambil kira.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya anggap yang Kerajaan tidak puashati?

Tuan Abdul Manan bin Osman: Kerajaan memang tidak puashati, oleh kerana memang banyak lagi usaha-usaha yang hendak dan mesti dijalankan untuk meninggikan taraf hidup orang Melayu untuk membanyakkan harta. Setakat ini, itu sahajalah keupayaannya.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ini ada bersangkutan-paut dengan pembangunan

negara di negeri ini, yang penting dibandingkan daripada sebelah pihak lain daripada bumiputra. Ini saya umpamakan gerakan suara macam guruh atau macam raksaksa, tetapi sebenarnya dalam praktiknya berjalan macam semut. Apakah bukti 10 tahun sudah dipimpin berkenaan dengan Amanah Saham MARA Bhd. ini tetapi buktinya sebagai Senator Kamarul Ariffin sebutkan ialah \$71.6 juta. Adakah \$71.6 juta ini satu usaha yang dinamik yang penuh dedikasi yang telah dijalankan oleh Kementerian yang bertanggungjawab? Saya jawab tidak. Sebenarnya melepaskan batuk di tangga dan memberikan satu suara daripada pihak lain mengatakan Melayu (bumiputra) ditolong, tetapi buktinya tidak ada

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahannya apa?

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan soalan ini kerana perjalanannya terlampau lembab. Saya menyokong apa yang disebutkan oleh Senator Kamarul Ariffin

Tuan Yang di-Pertua: Bukan menyokong, tetapi bolehkah mengemukakan soalan tambahan?

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Saya mengemukakan masalah ini supaya dilantik pakar-pakar supaya diatasi kelemahan ini dengan sebab itu saya memajukan satu

Tuan Yang di-Pertua: Sabar!

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, ini bukan soalan, ini statement.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Saya tak faham Tuan Yang di-Pertua menahan saya bercakap mengenai masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya apa? Keluarkanlah soalan tambahan.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Rasa saya percakapan saya tidak terkeluar walaupun saya bercakap dan menyoal di samping saya menerangkan bukti seperti saya kata selama 10 tahun sudah berjalan tetapi perjalanannya

lembab. Saya berkata ini kerana saya memperakukan dan saya ada bukti-bukti yang jelas, kalau tidak, saya tidak bawa ke dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut pendapat daripada Yang Berhormat Menteri memang Kerajaan tidak berpuas hati di atas modal orang-orang Melayu sebanyak \$71.6 juta di dalam tempoh 10 tahun. Kalau Kerajaan tidak puas hati oleh kerana dasar Kerajaan dalam tempoh 20 tahun yang akan datang, sekarang sudah tinggal 13 atau 14 tahun lagi; 13 tahun lagi Kerajaan berkehendak bumiputra memegang harta di dalam negeri ini sekurang-kurangnya 30%. Kalau Kerajaan tidak puas hati, adakah jalan-jalan lain yang MARA akan buat mengambil tindakan sekiranya \$70 juta yang dimodalkan oleh orang-orang Melayu misalnya disandarkan kepada Bank Bumiputra, diambil pula satu modal sebanyak \$200 juta membeli saham yang lebih banyak lagi. Adakah jalan-jalan ini difikirkan oleh MARA oleh kerana Kerajaan tidak puas hati, adakah terfikir oleh Kerajaan demikian?

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, wang ini adalah wang amanah khusus untuk membeli yunit trust. Usaha-usaha Kerajaan yang lain memang banyak untuk membanyakkan modal-modal orang Melayu seperti perancangan Yayasan Pelaburan yang dimodali oleh Kerajaan sebanyak \$200 juta itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma membuat soalan tambahan atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi dengan mengatakan bahawa Kerajaan tidak puas hati. Dapatkah kiranya membenarkan atas kesimpulan saya bahawa Kerajaan tidak puas hati itu bahawa syarikat itu adalah lembab.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang bersetuju dengan perkataan lembab. Memang orang bumiputra tidak ada keupayaan, tetapi usaha-usaha untuk meninggikan pendapatan bumiputra mestilah diteruskan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Oleh kerana soalan ini penting, Tuan Yang di-Pertua, soal saham

bumiputra ataupun bumiputra mengambil bahagian di dalam iktisad dalam negeri ini dan dalam tempoh 20 tahun yang akan datang, iaitu 13-14 tahun lagi, maka samada Kerajaan memikirkan oleh kerana Amanah Saham MARA ini yang dipimpin oleh Kerajaan maka Kerajaan misalnya mestilah ada tanah dan tanah itu mestilah dicangkul supaya tanah itu mengeluarkan hasil. Jadi sekarang ada duit, boleh disandarkan, dengan adanya pegawai-pegawai MARA yang begitu jujur dan sebagainya menjalankan duit rakyat atau duit bumiputra ini untuk menambahkan lagi banyaknya. Dengan sebab itu tentulah Kerajaan memikirkan bagaimana akan menambahkan yang \$71.6 juta ini menjadikan \$150 juta atau \$100,000 juta pada masa yang akan datang, saya hendak tahu bagaimana cara-caranya. Saya tidak ada bertanggungjawab oleh kerana \$71.6 juta sahaja, macam mana hendak membesarkan lagi, ini terpulanglah kepada rakyat. Kita sudah tahu yang orang Melayu miskin, jadi jalan-jalan ini adalah MARA untuk menjalankannya. Adakah difikirkan begitu?

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan saya berharap beliau dapat memberi pandangan-pandangan yang membina kepada kita macam mana kita hendak membanyakkan Kumpulanwang ini Wang yang dikutip ini ialah untuk Yunit Saham MARA yang d labur secara membeli saham-saham sahaja. Saya sudah pun menjawab tadi bahawa usaha-usaha yang lain memang dijalankan oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi pendapatan dan pelesenan Bumiputra.

PENYELEWENGAN TERHADAP DASAR EKONOMI BARU

3. **Tuan T.S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah kesilapan-kesilapan dan penyelewengan-penyelewengan (deviations) dapat diatasi dalam menjalankan Dasar Ekonomi Baru dari semasa ke semasa untuk menyusun semula masyarakat Malaysia tanpa mengira kaum.

T'mbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa kejayaan Dasar Ekonomi Baru adalah bergantung, antara lain, kepada kelicinan jentera pelaksanaan segala program-program yang telah

dirancangkan. Oleh itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan sebarang kesilapan dan penyelewengan di berbagai-bagai peringkat pelaksanaan.

Kerajaan berpendapat bahawa usaha-usaha yang berterusan perlulah dijalankan untuk menentukan sesuatu program itu berjalan dengan lancar mengikut jadual. Oleh itu sesuatu program akan dinilai dan dianalisa dari masa ke masa untuk memastikan perjalanan sesuatu program itu menghadapi kesulitan atau tidak. Penilaian tersebut akan menentukan faktor-faktor yang mengganggu dan mengendalikan pelaksanaan tersebut samada disebabkan oleh kesilapan atau penyelewengan atau faktor-faktor lain seperti perubahan nilai matawang dunia dan lain-lain lagi. Seterusnya usaha-usaha ditentukan bagi merancang rancangan untuk memperbaiki kesilapan tersebut bagi mencapai matlamat dan tujuan asal program-program tersebut. Dalam hubungan ini penilaian tersebut adalah dibuat oleh semua Kementerian dan Jabatan yang berkenaan semasa sesi Belanjawan (tiap-tiap tahun) dan semasa Kajian Semula Rancangan Lima Tahun (tiap-tiap dua tahun setengah). Selain daripada itu usaha-usaha di peringkat pusat telah dijalankan melalui beberapa agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menentukan pengawasan dan pengawalan yang berkesan, terutama yang berkaitan dengan tindakan mengatasi segala kesilapan dan penyelewengan untuk mempercepatkan kemajuan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Agensi-agensi yang berkenaan ialah Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan, Yunit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia dan Yunit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan.

Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan adalah bertanggungjawab dan mengesan dengan rapi semua projek pembangunan untuk memastikan bahawa semua matlamat yang dirancangkan dapat dicapai mengikut jadual serta menjamin tidak ada pembaziran wang berlaku.

Yunit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia telah ditubuhkan pada tahun 1977 yang bertanggungjawab untuk mengesan semua kelemahan-kelemahan dan halangan-halangan (bottle-neck) di dalam bidang pentadbiran dan pengurusan supaya jentera pelaksanaan Kerajaan dapat dibaiki dengan terus-menerus dan dikemaskinikan.

Yunit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am bertujuan, antara lain, untuk menjamin kegiatan-kegiatan pembangunan, tidak sahaja membawa hasil-hasil yang bersifat fizikal dan kewangan tetapi juga membawa faedah-faedah sosio-ekonomi kepada sasaran kumpulan (target group). Yunit ini juga mengendalikan sebuah badan iaitu Biro Pengaduan Awam yang memberi peluang kepada rakyat untuk mengemukakan pandangan dan rasa tidak puas hati berhubung dengan kesilapan dan penyelewengan yang berlaku dalam sistem pentadbiran. Biro Pengaduan Awam telah dikukuh dan diperkembangkan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat di samping memastikan bahawa penyelewengan dan kesilapan dapat diatasi di dalam jentera pentadbiran Kerajaan.

Ajensi-agensi tersebut dikehendaki menyediakan maklum-balas-maklum-balas kepada Kerajaan berhubung dengan sebarang kesilapan dan penyelewengan serta mengadakan syor untuk mengatasi masalah tersebut untuk memastikan matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai dengan berkesan untuk faedah semua rakyat Malaysia.

Selain daripada itu, penyelewengan dari segi pentadbiran pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada keseluruhan kemungkinan boleh berlaku sebahagian besarnya disebabkan oleh salah tafsiran. Dalam hubungan ini arahan telah dikeluarkan kepada semua pegawai untuk memahami tujuan dan semangat Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga supaya dapat menjalankan tugas-tugas mereka selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Perkara berlakunya penyelewengan kerap kali menjadi bahan perbincangan yang dilaporkan dalam akhbar secara am. Ini tidak akan mendatangkan apa-apa faedah yang konkrit selagi kes-kes penyelewengan yang spesifik tidak disyoran dengan rasmi untuk diselidiki.

Di samping itu adalah penting bagi orang ramai untuk mengetahui Dasar Ekonomi Baru supaya dapat benar-benar faham apa-apa yang boleh dianggap penyelewengan dan apa-apa perkara yang sebenarnya perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

PAKAIAN RASMI NEGARA

4. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan pihak berkuasa yang bertanggungjawab menetapkan pakaian rasmi untuk dipakai oleh Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Menteri-menteri Kabinet, Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Hakim-hakim dan Pendakwaraya-pendakwaraya di negara ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan dalam Majlis ini bahawa pihak yang bertanggungjawab bagi bentuk pakaian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Yang Berhormat Menteri-menteri ialah Jabatan Perdana Menteri selepas berunding dengan pihak Istana Negara dan Jumaah Menteri masing-masingnya. Bagi pakaian Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat pakaian ditetapkan oleh kedua-dua Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan. Untuk Yang Arif Hakim-hakim dan Pendakwaraya-pendakwaraya pula pakaian mereka ditetapkan oleh pihak mahkamah itu sendiri.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, adakah pakaian-pakaian yang telah direka dan dibentuk itu sudah menjadi peraturan, kalau sekiranya tidak dipakai, maka itu sudah menyalahi peraturan ataupun pakaian itu sebagai satu simbol sahaja, boleh dipakai, kalau hendak dipakai ataupun tidak, jika tidak.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, pakaian seumpama ini merupakan pakaian seragam (uniform) dan majlis-majlis yang tertentu pakaian seumpama ini hendaklah dipakai.

PELANCUNG-PELANCUNG KE MALAYSIA

5. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) (i) bilangan pelancung yang berketurunan ke Malaysia dalam tahun 1976 hingga 1977;
- (ii) jumlah wang yang dibelanjakan oleh mereka dalam tempoh tersebut;
- (iii) dari negeri mana jumlah pelancung yang terbanyak mengunjungi negara Malaysia; dan

(b) apakah langkah-langkah selanjutnya yang akan diambil untuk menarik lebih ramai pelancung datang ke Malaysia seperti memajukan lagi pusat-pusat pelancungan yang baru; memperbaiki kemudahan-kemudahan yang ada sekarang.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) Buat masa ini data-data kedatangan pelancung-pelancung belum lagi dapat dikeluarkan oleh kerana sistem mengumpul data yang ada sekarang ini tidak dapat mengasingkan di antara seorang pelancung dengan seorang pelawat. Pelancung ialah seorang pelawat yang berada di negara kita lebih daripada 24 jam, manakala pelawat ialah semua yang melawat negara ini samada kurang atau lebih dari 24 jam.

Angka-angka berikut menunjukkan bilangan kedatangan pelawat-pelawat ke Semenanjung Malaysia bagi tahun 1976 dan 1977.

Tahun	Jumlah Pelawat	Kadar Peratus Perubahan
1976 ...	1,224,815	+ 3.5%
1977 ...	1,288,995	+ 5.2%

Angka-angka ini tidak termasuk bilangan pelawat warganegara Singapura yang datang ke Semenanjung Malaysia melalui jalanraya Tambak Johor.

Angka-angka bilangan kedatangan pelawat-pelawat ke Sabah dan Sarawak ialah seperti berikut:

Tahun	Sabah	Sarawak
1976 ...	42,440	78,250
1977 ...	40,164	87,250

- (a) (ii) Mengikut kajian yang telah dijalankan jumlah pertukaran wang asing yang dibelanjakan oleh pelancung-pelancung asing di Semenanjung Malaysia ialah lebih kurang 300 juta ringgit dalam tahun 1976 dan 400 juta ringgit pada tahun 1977.

Angka-angka tersebut ialah satu anggaran sahaja berdasarkan kepada keputusan-keputusan "sample survey" ke atas pelancung-pelancung yang telah dijalankan

dalam tahun 1976 dan 1977. Angka-angka bagi Sabah dan Sarawak tidak dapat diperolehi oleh kerana kajian yang serupa ke atas pelancung-pelancung belum lagi dapat dijalankan.

- (a) (iii) Mengikut data-data ketibaan pelawat ke Semenanjung Malaysia iaitu tidak termasuk warganegara Singapura yang datang melalui Tambak Johor, pelawat-pelawat dari Thailand merupakan bilangan pelawat-pelawat yang terbanyak sekali mengunjungi Semenanjung Malaysia iaitu 31% daripada jumlah pelawat-pelawat dalam tahun 1976 dan 35% daripada jumlah pelawat-pelawat dalam tahun 1977.
- (b) Langkah-langkah yang akan diambil oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan sebuah agensi di bawah jagaan Kementerian saya, bagi memesatkan lagi penggalakan pelancungan di Malaysia adalah seperti berikut:

Pemasaran

Perbadanan akan meneruskan kegiatan bagi memasarkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancungan di luar dan dalam negeri. Dengan kemudahan yang diberi oleh Kerajaan, Perbadanan akan menumpukan penuh perhatian kepada pengiklanan pengguna, kerana saluran ini merupakan salah satu daripada cara-cara yang paling berkesan bagi usaha-usaha penggalakan negara ini kepada bakal-bakal pelancung. Perbadanan juga akan menetapkan pengiklanan melalui media dagang dan menggalakkan lebih banyak pengusaha-pengusaha pelancungan antarabangsa membuat aturcara lawatan ke negara ini. Bagi menambahkan kegiatan-kegiatan ini, satu misi jualan akan dihantar melawat ke Eropah pada tahun hadapan.

Perbadanan juga sedang menyediakan bahan-bahan penggalakan yang lebih "comprehensive" dan teratur untuk memberi kemudahan kepada bakal-bakal pelancung ke negara ini. Bahan-bahan ini akan diedarkan melalui semua pejabat

Perbadanan di luar negeri dan juga Pejabat Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di luar negeri.

Di peringkat nasional, Perbadanan akan meneruskan dengan lebih giat lagi kempen-kempen bagi menggalakkan pelancungan di dalam negeri. Satu siri filem penggalakan berwarna sedang dibuat untuk disiarkan melalui talivisyen dan panggung wayang.

Pembangunan

Pada masa ini Perbadanan Kemajuan Pelancungan telahpun memperkenalkan beberapa tempat di seluruh negara yang mempunyai potensi pelancungan. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan ingin menyeru kepada pihak-pihak swasta untuk mengambil bahagian bagi memajukan perusahaan pelancungan seperti mengadakan infra-structure-infra-structure seperti membina hotel-hotel kelas pertama dan sebagainya. Buat masa ini Perbadanan sedang menjalankan dua projek pembangunan di pantai timur iaitu projek Club Mediterranean di Cherating, Kuantan dan Tanjung Jara/Rantau Abang, Dungun di Trengganu. Kedua-dua projek ini dijangka akan siap untuk dibuka pada pertengahan tahun 1979.

Sebagai langkah jangka panjang Kerajaan telah mengadakan beberapa kajian pelan induk itu ialah bagi kepulauan Pulau Langkawi telahpun siap. Kerajaan pada masa ini sedang membuat penilaian mengenai kajian ini dan akan membuat penentuan bagi melaksanakan pembangunan yang disyorkan. Beberapa kajian yang serupa sedang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan dan kajian-kajian itu adalah seperti berikut:

- (i) Kajian Pelan Induk Pelancungan Nerang/Besut/Dalam Rhu di Trengganu dan Kelantan.
- (ii) Kajian Pelan Induk Pelancungan Mersing/Endau/Rompin di Pahang/Johor.
- (iii) Kajian Pelan Induk Pelancungan Sabah.
- (iv) Kajian Pelan Induk Pelancungan Sarawak.

Dalam tahun 1979, Perbadanan akan menjalankan dua lagi Kajian Pelan Induk Pelancungan iaitu bagi Taman Negara dan kawasan Pangkor-Lumut.

Berdasarkan kepada hasil-hasil kajian-kajian pelan induk tersebut Kerajaan akan menentukan pelan yang harus dimainkan oleh Perbadanan di bidang pembangunan projek-projek pelancungan yang tertentu.

Tuan T. S. Gabriei: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sebentar tadi, saya ingin tahu, setakat sekarang, apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh duta-duta kita untuk menambah dan menggalakkan pelancung-pelancung daripada negara masing-masing untuk datang ke Malaysia. Apakah langkah-langkah yang sudah diambil oleh mereka?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah jawab dalam jawapan saya, langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita berasa bangga atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berhubung dengan penggalakan pelancungan samada di dalam dan juga dari luar negeri. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagaimana kita sedia maklum kedapatan ada setengah-setengah pelancung luar negeri menyeludupkan dadah dan ada setengahnya memakai pakaian yang tidak begitu berkesopanan. Dalam dua masalah ini, apakah langkah Kementerian ini telah buat sekarang supaya keadaan ini tidak ada menjalar kepada masyarakat kita?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak mengalu-alukan pelancung-pelancung yang menghisap dadah atau berpakaian yang tidak berkesopanan, tetapi masalahnya ialah sebelum pelancung itu datang ke negara ini, kita tidak boleh membezakan di antara pelancung yang baik dengan pelancung yang tidak baik, tetapi apabila mereka masuk ke negara kita ini, mereka mesti mengikut undang-undang negara kita ini dan kalau ada apa-apa yang melanggar undang-undang, pihak Polis atau pihak Imigresen mesti mengambil tindakan untuk menahan lawatannya ke negara kita ini.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan tentang rancangan-rancangan jangka panjang dengan mengadakan tempat-tempat pelancungan yang lebih banyak. Saya ingin mendapat tahu kalau kita mengadakan tempat-tempat pelancungan yang lebih banyak seperti di Trengganu, Pulau Langkawi dan sebagainya adalah bertujuan untuk menggalakkan pelancung-pelancung datang ke sini dan kita dapat tahu bahawa kebanyakan pelancung-pelancung ini boleh dikatakan 95% datang melalui pesawat udara. Jadi di dalam hal ini sukalah saya hendak bertanya, adakah kajian dibuat daripada sudut kedatangan pelancung-pelancung dengan pesawat udara ini, seperti keadaan tempat-tempat perhentian kapalterbang (airport) telah dimasukkan di dalam rancangan menggalakkan pelancung-pelancung kerana keadaan sekarang ini amatlah menyedihkan?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa dengar mengenai kapalterbang yang datang membawa pelancung-pelancung tadi. Minta diulang semula.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pelancung-pelancung datang ke negara kita melalui kapalterbang. Kita telah menyediakan banyak tempat-tempat pelancung yang baru tetapi di kala hendak memasuki pintu ke negeri ini, sebelum sampai ke tempat hendak dilawati, keadaan di lapanganterbang kita sangatlah menyedihkan. Jadi adakah pihak Kementerian memasukkan di dalam rancangan perkembangan atau tourist development itu termasuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih sempurna di lapanganterbang-lapanganterbang?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di lapanganterbang adalah di bawah jagaan Kementerian Pengangkutan. Perbadanan Pelancungan tidak ada kuasa, tetapi kita mestilah berhubung dengan Kementerian Pengangkutan supaya kalau ada timbul masalah seperti itu, perkara itu mestilah dapat diperbaiki.

KEMALANGAN KAPALTERBANG JET TUDM

6. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sehingga hari ini berapa buah kapal-terbang jet TUDM yang telah jatuh terhempas semasa latihan;
- (b) bilangan jawatankuasa-jawatankuasa penyiasat yang telah ditubuhkan oleh Kementerian mengenai perkara ini dan apakah laporan yang telah dibuat oleh jawatankuasa tersebut dan samada kemalangan itu akibat daripada perbuatan sabotaj; dan
- (c) jumlah kerugian yang dialami termasuk bilangan juruterbang yang terselamat dan mati dalam kemalangan-kemalangan itu.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 13 jet TUDM telah terhempas semasa menjalani latihan sehingga hari ini. Bagi ke semua kemalangan-kemalangan itu, Kementerian ini telah menubuhkan sebanyak 13 Jawatankuasa Penyiasat (Board of Enquiry) untuk menyiasat kemalangan tersebut. Laporan yang dibuat oleh Jawatankuasa-jawatankuasa itu telah menunjukkan bahawa sebab-sebab berlakunya kemalangan-kemalangan tersebut adalah terbahagi seperti berikut:

- | | | | | |
|--|-----|-----|-----|---|
| 1. Bahaya-bahaya yang tidak dapat dielakkan | ... | ... | ... | 1 |
| 2. Kesilapan atau kekurangan kecekapan juruterbang | ... | ... | ... | 4 |
| 3. Kerosakan teknikal | ... | ... | ... | 7 |
| 4. Sebab-sebab yang tidak diketahui | ... | ... | ... | 1 |

Mengenai sebab-sebab yang tidak diketahui adalah disebabkan kerana penyiasatan belum siap lagi.

Oleh yang demikian, kemalangan-kemalangan ini terjadi bukanlah akibat daripada perbuatan sabotaj. Sejauh yang kita dapat taksir sekarang ini jumlah kerugian ialah lebih kurang \$15 juta dan kemalangan-kemalangan tersebut telahpun mengorbankan dua orang juruterbang dari sejumlah 13 orang juruterbang yang terlibat.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita tadi telah menyatakan di antara Jawatankuasa Penyiasat telah melaporkan kepada

Kementerian ini bahawa satu dari sebab musabahnya ialah kekurangan kecekapan. Dengan kekurangan kecekapan ini, kenapakah Kementerian membenarkan juruterbang itu meneruskan khidmatnya? Tidakkah dengan kurang cekapnya itu supaya dinasihatkan mendapat seorang juruterbang yang lebih cekap lagi dan tidakkah ini menunjukkan bahawa kesiapan itu tertanggung di atas Kementerian Pertahanan?

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, samada kita tahu 100% seseorang itu cekap menghadapi sesuatu keadaan semasa dia terbang, hanya kita dapat tahu sesudah ada kemalangan. Tetapi daripada segi kecekapan yang am (general) memang ada peringkat bagi tiap-tiap seorang pilot yang boleh menunjukkan setakat mana dia patut menjalankan penerbangan. Misalnya dalam 4-5 tingkat barangkali seorang pilot itu tidak disuruh membawa kapalterbang sendiri dan hanya selepas dapat menghabiskan kursus yang cukup advanced, barulah seseorang juruterbang itu dibenarkan membawa kapalterbang bersendirian.

Dalam soal menaksirkan samada seseorang juruterbang itu dapat atau tidak membawa sesebuah kapalterbang itu, memanglah tiap-tiap orang yang memeriksanya mesti dapat satu impression yang seseorang itu memang sudah layak betul. Kalau tidak, tidak dibenarkan menjalankan satu-satu tugas yang peringkatnya lebih advance lagi. Tetapi seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, soal menjalankan kapalterbang untuk berlawan (fighter jets) adalah lebih complicated daripada soal melatih orang yang menjalankan civilian airlines, kerana banyak acrobatic tricks, tactical manoeuvre yang mesti kita ajarkan, dan ini pun kita cuba mengajar terlebih awal yang boleh. Kadang-kadang sesuatu situation kita tidak dapat ramal daripada awal dan kemalangan berlaku.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu berkenaan dengan kerosakan kapalterbang. Saya hendak bertanya sebelum kapalterbang itu terbang, tentulah ada ground technician, dia tentu memberitahu kepada pilot atau juruterbang tentang air worthiness kapalterbang itu. Kalau tidak, dia tidak boleh terbang. Jadi adakah ini kesalahan oleh kerana technician kita, dan kedua oleh kerana kapal-terbang itu second-hand, kapalterbang yang

telah diberikan oleh Australia, diberi kepada kita secara percuma iaitu 6 buah kapalterbang dan kapalterbang itu memang sudah kondem atau setengah kondem diberi untuk training, kalau kita jatuh menyebabkan kematian pun matilah, ia fikir begitu. Adakah benar sebabnya begitu? Jadi kalaulah kita menghargai nyawa juruterbang maka tentulah kapalterbang itu kita tak boleh langsung diambil. Jadi samada benar atau tidak kesusilaan itu disebabkan atas dua perkara iaitu technician dan keduanya kerana kapalterbang itu sudah second-hand yang tidak boleh dipakai lagi.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, sebilangan percentage yang lebih tinggi daripada accident yang disebabkan technical fault berlaku bersangkutan dengan kapalterbang yang brand new, jadi tidak bersangkutan kepada soal second-hand ataupun brand new. Di antara yang 13 itu, hanya 3 sahaja (barangkali yang diberi oleh Australia) dan 10 itu semuanya baru. Jadi, tidaklah berbangkit soal adakah berkaitan dengan second-hand atau first-hand aircraft menjadi sebab kemalangan kapalterbang.

Dalam soal technical fault, seperti juga soal kelayakan tadi, sesuatu technical fault yang berbangkit kerana perjalanan kapalterbang menghadapi sesuatu situation hanya dapat kita tahu selepas adanya accident. Selain daripada itu semua ordinary precaution—langkah-langkah yang cermat—dijalankan cukup dengan check at every interval of hours used dan berbagai peringkat pemeriksaan yang dijalankan. Dan saya mesti memberitahu di sini bahawa regular checks di military aircraft kita lebih ketat daripada yang selalu diamalkan dengan aircraft civilian, kerana kita tahu stress yang kita tekankan ke atas kapalterbang fighters kita adalah lebih.

Board of Enquiry telah menyebutkan technical fault sebagai category sebab-sebab kemalangan, saya tidaklah tahu kerana tidak ada rekod pada saya di sini yang ada menyebutkan adakah ini kesalahan ground technician atau tidak. Tetapi sejauh yang saya maklum ada recommendation kepada military court untuk menjalankan court-martial terhadap seseorang kalau ada melakukan kesusilaan dan default of duties.

Saya ingin memberi jaminan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pemeriksaan kita mengikut international standard yang telah diletakkan bagi sesuatu jenis kapalterbang

dan record of safety kita adalah sama tinggi dengan negara seperti Australia, New Zealand dan negara-negara yang sudah maju. Boleh dikatakan lebih tinggi daripada negara-negara yang sedang membangun.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam peperangan moden, peperangan udara menjadi decisive factor, adakah Kerajaan memberi keutamaan untuk mengadakan cukup pemandu-pemandu kapalterbang perang pada masa akan datang?

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini yang paling susah sekali saya hendak jawab, kerana saya tidak tahu apa rupa threat yang kita akan hadapi pada masa akan datang.

SYARAT MENJADI CALUN PILIHAN- RAYA PARLIMEN/NEGERI

7. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak Kerajaan akan meminda syarat seorang warganegara yang masuk bertanding dalam Pilihanraya iaitu samada Dewan Negeri atau Dewan Rakyat, sebab di masa sekarang ini ada orang yang terlibat dalam kes jenayah pun boleh masuk bertanding dalam Pilihanraya bahkan orang yang duduk dalam tahanan pun boleh masuk bertanding asalkan ia ada wang dan juga orang yang dibuang negeri pun boleh jadi wakil rakyat.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda syarat-syarat menjadi calun samada bagi pilihanraya Dewan Rakyat mahupun bagi Dewan-dewan Undangan Negeri yang berkenaan kerana pada masa ini memang sudah ada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Negeri yang menghalang sebahagian tertentu mereka yang disabitkan dengan satu-satu kesalahan di mahkamah untuk menjadi Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri. Mereka itu ialah mereka yang telah didapati bersalah dan dihukum penjara tidak kurang daripada satu tahun atau dikenakan denda tidak kurang daripada \$2,000.

Mengenai perkara yang ditahan pula, selain daripada mereka yang disebutkan di atas tadi, mereka adalah dibenarkan bertanding bukanlah kerana mereka ada wang sepertimana

sedikit demi sedikit seterusnya demikian semakin jauh alirannya air di batang sungai, semakin banyakkah percampurannya, sehingga pada suatu ketika semua air daripada anak-anak sungai ini bercampur sebatu dengan warna dan kandungan yang baru. Itulah ibaratnya proses socialisation yang akan menukarkan beberapa puak dan kaum dalam negara ini sehingga kita menjadi satu bangsa yang bersatu.

Pada suatu ketika selepas kita semua dapat mengalami dan bertukar pengalaman hidup di dalam alam sekitar Malaysia ini, iaitu sambil kita menjalankan tugas hari-hari, kita boleh mendirikan Malaysia yang bersatupadu yang aman, yang stabil dan yang maju. Syaratnya hanya satu: kalau kita bersedia memerhati dan menghormati cara hidup antara satu sama lain, kita patut mengamalkan toleransi.

Tidaklah boleh kita di dalam proses membina negara ini menggalakkan sikap yang berkesan atau berasas pegangan yang rigid, kerana aliran hidup masyarakat yang ingin maju ini tidak boleh dibeku, kerana hidup mesti bergerak menghadapi dan menyesuaikan dengan keadaan yang beredar dari masa ke semasa. Sikap yang menyatakan kita tidak mahu berganjak dari fikiran yang kita warisi dalam soal socialisation, bererti kita tidak mahu kuasa bertukar. Sikap mengatakan kita mesti mempertahankan semua adat resam yang kita warisi dari zaman lalu mungkin mempelempangkan kita dalam keadaan tidak berubah dan tidak bergerak dengan zaman.

Sikap yang takut kepada perubahan daripada keadaan yang kita warisi adalah sikap yang menghalang kepada kemajuan. "There must be movement in life, if there is progress." Dalam ramalan saya, Tuan Yang di-Pertua, semua pihak dalam Malaysia ini boleh menghargai betapa perlunya dipertegas sikap toleransi kalau kita hendak mencapai satu pergerakan ke hadapan, satu kemajuan yang boleh menyatupadukan semua corak pemikiran yang baik untuk negara ini dan semua faktor-faktor yang perlu untuk membentuk peribadi yang satu kepada negara kita. "There must be confluence of all interests and confluence of cultural heritage in our movement forward to become one nation."

Kita di Sarawak, seperti juga di tempat-tempat lain di Malaysia ini, telahpun membuktikan seiarah toleransi yang boleh dibanggakan, kalau dibandingkan dengan sejarah

negeri-negeri lain. Sungguhpun ada banyak kaum yang menjadi rakyat di Sarawak, kita telah hidup dalam rukun dan damai. Tidak ada satu pihak pun yang mahu memaksa cara hidupnya ke atas pihak yang lain. Sungguhpun kerana masalah perhubungan, parti-parti politik tumbuh dengan sokongan mengikut pembahagian kaum masing-masing, dalam soal mentadbirkan negeri—malah dalam soal menajayakan Malaysia—semua pihak menyedari bahawa Sarawak adalah hak milik semua bangsa dan patutlah ditadbir oleh semua kaum.

Daripada mula-mula Malaysia ditubuhkan, negeri Sarawak tidak pernah mempunyai Kerajaan yang membelakangi satu kaum pun atau dipimpin oleh satu kaum sahaja. Konsep Alliance dan kemudian konsep Barisan Nasional telahpun diakui oleh semua pihak sebagai satu cara untuk menjamin supaya semua kaum dapat menjalani peranannya dalam menentukan nasib negeri Sarawak. Inilah sekurang-kurangnya ajaran yang kami dapat petikan dari pengalaman di Semenanjung ini. Dan inilah satu daripada keuntungan politik apakala Sarawak memasuki Malaysia dan pengalaman yang kami warisi dari bapa Malaysia kita, Tunku Abdul Rahman.

Seperti dalam bidang perbezaan kaum dalam bidang perbezaan agama juga, kami di Sarawak telah mengalami toleransi. Orang-orang Melayu memang telah lama dalam beratus-ratus tahun ini menganuti agama Islam, orang China telahpun mengamalkan agama Budha dengan cukup kebebasan dan missionary-missionary Christian juga telah berjalan memperkembangkan ugamanya di kalangan berbagai kaum di seluruh negeri Sarawak, Missionary Christian, misalnya, telahpun berjalan tanpa gangguan daripada agama lain. Baru-baru ini pihak orang Islam pula menjalankan pergerakan dakwahnya di kalangan bumiputra yang mengikut adat lama. Walaupun ada sangkaan yang tidak baik di kalangan golongan yang kecil, namun pada keseluruhannya usaha Pengislaman ini disambut dengan sikap toleransi. Saya harap pergerakan missionary baikpun Kristian ataupun Islam dapat seterusnya dijalankan dengan sikap yang cermat dan halus supaya dapat mengelakkan terjejasnya semangat toleransi yang sudah ada pada kita begitu lama. Dasar Kerajaan Malaysia dalam soal-soal agama ini telah memperteguhkan perasaan toleransi seperti yang kita lihat sekarang ini—masjid, gereja dan kuil berdiri

dengan amannya di tiap-tiap bandar. Bangunan baru yang mendapat bantuan daripada Kerajaan juga terbahagi di antara masjid, gereja dan kuil.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian penting dalam soal socialisation atau menyatupadukan rakyat dalam negara kita ini mestilah dijalankan menerusi sekolah-sekolah. Oleh sebab itu maka tidaklah bijak bagi mana-mana pihak pun menganggap sekolah hanya sebagai tempat belajar menulis dan membaca, ilmu hisab, sejarah dan mata-mata pelajaran rasmi sahaja. Sekolah adalah tempat pertemuan anak-anak yang paling penting di mana mereka akan pada peringkat umur yang masih muda lagi menyedari bahawa dalam hidup mereka, mereka tidak boleh mengelakkan diri dari bercampur-gaul dengan berbagai kaum. Suatu proses menyesuaikan diri dengan peranan sebagai warganegara mestilah digalakkan di bangku sekolah. Di bangku sekolah tempat anak-anak kita ini dapat sedar bahawa persahabatan tidak mengenal perbezaan kaum, dan persahabatan di antara kaum boleh menjadi mesra sama sahaja dengan persahabatan sesama kaum. Di bangku sekolah sahaja kita ada peluang untuk mengikis segala prejudice dan syak wasangka yang tidak ada asas sama sekali dengan realiti hidup.

Tuan Yang di-Pertua, dari itu amatlah mustahak dasar pelajaran kita merangkumi bukan sahaja soal melengkapkan anak kita dengan kemahiran menjalankan kerja, tetapi lebih penting lagi dengan didikan yang akan menyedarkan mereka kepada peranan mereka dalam mempertahankan Malaysia yang bersatupadu.

Saya berbangga, Tuan Yang di-Pertua, bahawa walau ada golongan-golongan kecil yang ingin mahu menggunakan soal bahasa untuk menjadi daya penarik politik mereka ataupun untuk menyebarkan pemikiran sempit mereka pada keseluruhannya rakyat Malaysia sedar bahawa masa hadapan kita di Malaysia ini hanya dapat terjalin perpaduannya dengan adanya satu bahasa yang boleh difahami di kalangan mana-mana kaum pun. Ada satu pepatah Inggeris yang berbunyi: "To know is to love". Tetapi ada lagi suatu pesanan yang perlu diingat bersama-sama dengan pepatah ini: "To communicate is to know". Saya tidak nampak cara lain

dengan mana rakyat Malaysia ini akan dapat tahu tentang masalah dan inspirasi masing-masing, melainkan dengan adanya satu cara perhubungan yang boleh meresapi semua golongan dan kaum. Dengan kata lain, saya tidak percaya kita ini akan ada "general Malaysian perspective to our outlook", melainkan menerusi perhubungan Bahasa Malaysia. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada rakan-rakan saya, tidak peduli apa keturunan mereka, supaya berusaha menyebabkan kegunaan Bahasa Malaysia supaya menjadi tali perhubungan dari satu daerah ke satu daerah, dari satu golongan ke satu golongan.

Ini bukanlah bererti bahawa Malaysia ini patut mengenyepikan atau menegahkan kegunaan bahasa-bahasa lain. Saya percaya selain daripada keadaan sebuah "police state" tidak ada suatu kuasa pun yang boleh mencegah kegunaan bahasa-bahasa ibunda di dalam sesuatu rumah atau keluarga, jauhlah sekali di Malaysia ini yang mengamal demokrasi. The survival of all languages and dialects cukup akan terjamin di sini. Dalam soal bahasa ini, tidaklah boleh kita memikirkan bahawa dengan kesanggupan kita belajar Bahasa Malaysia, bahasa kita sendiri akan hilang. Manusia boleh belajar berbagai-bagai bahasa, dan semakin banyak bahasa diketahui semakin luaslah pandangan dan hubungannya.

Saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, masa colony dahulu kebanyakan kita yang diam di bandar dapat menggunakan Bahasa Inggeris dengan fasih, dan saya juga dapat ingat bagaimana pemimpin-pemimpin yang muncul untuk menentu nasib negara kita hari ini adalah pemimpin-pemimpin yang mempunyai pemikiran yang cukup luas dan hubungan dengan semua kaum, kerana mereka mengetahui Bahasa Inggeris yang menjadi bahasa orang terpelajar pada masa itu. Sekarang kita sudah merdeka, dan berazam untuk memperkayakan corak ragam negara kita. Amatlah mustahil bagi kita, jikalau kita tidak menumpukan usaha kita kepada perkembangan Bahasa Malaysia sebagai bahasa yang boleh kita banggakan. Saya percaya, di Semenanjung ini, tidak lama lagi akan timbullah daripada golongan-golongan mereka yang sudah terpelajar menerusi Bahasa Malaysia pemimpin-pemimpin dari semua kaum yang boleh berfikir meliputi Malaysian Perspective. Mereka inilah akan menjadi jenerasi yang boleh berdiri tegak di dalam masyarakat

antarabangsa dan menunjukkan dengan bangganya bagaimana selepas satu jenerasi kita di Malaysia ini dapat menunjukkan kebolehan kita mempunyai sebuah negara yang maju, bukan sahaja dengan meminjam ilmu pengetahuan daripada luar, tetapi juga dengan menggunakan asas yang kita sendiri letak dan bina dari bahan dari sekitar negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan saya yang lain, saya rasa bangga sangat menjadi seorang Senator dalam Dewan Parlimen kita yang telah membimbing negara ini ke arah kemajuan. Per capita Income kita sejak merdeka sudah berlipat-ganda tiga kali. Kawasan-kawasan luar bandar kita telahpun ditukar dari hutan rimba kepada kebun-kebun getah, kelapa sawit, kelapa dan koko. Berjuta-juta ekar telahpun dibuka dalam kawasan yang dahulunya tidak mengetahui penghidupan luar daripada keadaan terpencil. Berbelas ribu batu jalan telah dibina di seluruh pelusuk Semenanjung ini.

Kami di Sabah dan Sarawak mulai melibat beratus motokar memasuki kawasan luar bandar. Kuching dan Sibu telah bersambung dengan jalan, demikian juga Bintulu dan Miri. Pasukan pembinaan sekarang ini sedang meratakan bukit dan menebok lembah-lembah di luar bandar. Kami baru sahaja menikmati faedah parit-parit di kawasan tepi laut yang dahulunya menghadapi kemusykilan, kerana tanah dirosakkan oleh air masin.

Seperti di bandar-bandar lain di Malaysia ini, kami di Sarawak pun dapat melihat bangunan yang tinggi tersergam sampai berbelas tingkat. Di samping itu kami turut berbangga kerana ada ibu negara Kuala Lumpur yang mempunyai kemajuan begitu pesat, sehingga kita boleh nampak empat atau lima bangunan tinggi muncul tiap tahun sejak 1978. Kemajuan ini juga dihiasi dengan pokok-pokok yang cantik, jalan-jalan baru dan lebih luas termasuk jejambat. Apa yang sangat mengkagumkan kebanyakan pelawat-pelawat ke Kuala Lumpur, ialah kebersihannya yang nyata. Bagi saya yang datang dari luar bandar, dan juga telah berpeluang melihat keadaan negara-negara membangun yang lain, kemajuan yang kita capai untuk Malaysia dalam 21 tahun selepas kita Merdeka memanglah mengkagumkan. Strategi kita untuk membangunkan luar bandar memanglah diakui oleh dunia sebagai satu tauladan kejayaan bagi pembangunan luar

bandar. Masalah yang dihadapi oleh Malaysia sekarang ini ialah untuk menyamakan paras pembangunan di antara negeri-negeri yang belum cukup membangun dengan negeri yang sudah maju seperti Pulau Pinang, Perak, Selangor, dan Johor Bahru.

Ini telahpun ditekankan oleh Kerajaan kita dengan dasar memberi lebih bantuan pembangunan dan galakan pelaburan modal di negeri-negeri seperti di Pantai Timur, Sarawak dan Sabah. Saya sebagai wakil daripada negeri Sarawak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas bantuan Kerajaan Pusat kepada negeri Sarawak yang merupakan lebih daripada seribu juta ringgit bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Kilang-kilang, jalanraya yang beratus batu panjang dan bangunan baru di Ibu Kota Kuching adalah merupakan hasil daripada bantuan baru. Baru-baru ini Kerajaan telah menyatakan bahawa ianya akan menggalakkan pembinaan projek beribu juta ringgit di kawasan Bintulu untuk mengeluarkan gas cair. Semua ini tentu sekali akan memberi kesan yang baik kepada ekonomi negeri Sarawak. Soal yang masih belum jelas bagi negeri Sarawak ialah:

- (1) Bagaimanakah rancangan Kerajaan untuk membasmi kemiskinan akan dilaksanakan dengan lebih teliti di Sarawak?; dan
- (2) Dengan cara apakah boleh strategi pembangunan ditumpukan pada golongan yang benar-benar miskin?

Di Semenanjung ini, saya rasa sangat terharu melihat cara-cara perancangan yang sangat teliti untuk mengatasi masalah golongan-golongan yang tidak berada. Kerajaan telahpun membahagikan golongan ini dalam beberapa golongan: iaitu golongan pekebun-pekebun kecil, penanam kecil padi, pekebun-pekebun kecil kelapa, penduduk-penduduk kampung baru, pekerja-pekerja estet, nelayan dan pihak-pihak yang miskin di bandar-bandar. Sambil saya melafazkan terima kasih yang sebahagian daripada pihak yang tidak berada di Sarawak akan mendapat faedah daripada strategi ini, saya rasa bimbang mungkin ada satu golongan yang akan tertinggal dalam rangka "target poverty group approach to development" yang sedang dijalankan sekarang ini. Saya ingin tahu, adakah segolongan besar rakyat Sarawak yang sekarang ini tidak cukup pendapatannya dari menanam padi bukit termasuk dalam golongan "target poverty group"? Dari apa

yang saya dapat difahamkan penanam-penanam padi yang diisytiharkan sebagai "target poverty group" di Semenanjung ini adalah ditakrif sebagai penanam-penanam padi yang tidak mempunyai cukup luas bidang tanah.

Mungkin juga oleh sebab penanam-penanam padi bukit ini mempunyai luas bidang tanah, mereka didapati masuk dalam takrif "target poverty group". Kalau tidak, maka perlulah takrif ini ditimbangan semula, supaya mereka yang menanam padi di bukit ini dapat perhatian yang sama dengan penanam-penanam padi di Semenanjung ini. Memang benar, penanam-penanam padi bukit di Sarawak dan di Sabah mempunyai tanah yang cukup luas. Kebanyakan mereka ini mempunyai tanah yang cukup luas. Kebanyakan mereka ini mempunyai berpuluh-puluh ekar tanah. Tetapi ini bukan bererti, pendapatan mereka mencukupi untuk menampung hidup mereka.

Pertama sekali, bukanlah semua tanah yang dipunyai mereka dapat ditanam di tiap-tiap tahun, kerana mengikut adat lama, tanah ini telahpun dirimba sedikit sekali oleh dua tiga jenerasi sehingga hak "TEMUDAR" mereka atau hak memegang tanah mengikut adat bumiputra di sana. Oleh sebab kebanyakan tanah ini letaknya di kawasan berbukit, maka tidak banyakkah kawasan yang dapat ditanam lebih daripada 4 tahun berturut-turut, dan terpaksa selepas itu tanah baru dibuka mengikut kebiasaan "shifting cultivation".

Kedua, menanam padi di bukit ini tidak memberi hasil yang tinggi. Jarang sekali penanamnya akan dapat lebih daripada \$50.00 setahun dari satu ekar tanah.

Ketiga, oleh sebab letaknya tanah ini jauh daripada bandar dan tidak pula mempunyai jalan untuk menyambung ke bandar, maka soal menjual hasil daripada padi bukit ini adalah sangat rendah. Adakalanya penanam padi tidakpun dapat menjual hasilnya, kerana tidak cukup untuk menampung keperluan mereka sendiri.

Daripada itu, kalaulah keluasan tanah menjadi satu faktor tunggal untuk menentukan samada golongan penanam padi bukit ini boleh diatasi tidak sebagai "target poverty group", maka mungkin juga pihak perancang akan keliru kerana melihat penanam padi bukit di Sarawak mempunyai milik tanah yang sangat luas. Tetapi kalau pendapatan

dari tanah itu pula sebagai faktor, tidak syak lagi mereka ini adalah layak untuk ditimbangan sebagai "target poverty group". Saya adalah seorang daripada masyarakat yang mempunyai latarbelakang yang bergantung sangat kepada tanaman padi bukit, dan saya bolehlah menyatakan di sini bahawa kehidupan orang yang bergantung kepada tanaman padi bukit adalah sangat susah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Joseph Unting anak Umang: Panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk! Nanti boleh sambung lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)
4.50 ptg.

Tuan Joseph Unting anak Umang: Tuan Yang di-Pertua, sambil itu, saya juga sentiasa sedar bahawa usaha untuk menolong penanam padi bukit baikpun di Sarawak ataupun di Sabah tentu sekali akan menghadapi banyak masalah kerana mereka ini hidup bertumpuk-tumpuk di ulu-ulu sungai jauh daripada bandar.

Tambahan pula mereka ini terbahagi dalam golongan yang kecil sekali bilangannya. Kebanyakan rumah-rumah panjang yang menjadi pusat masyarakat mereka terdiri hanya daripada 40 sampai 100 bilik sahaja, iaitu bertumpuk-tumpuk dalam pembahagian golongan yang antara 300 sehingga 1,000 manusia. Rumah-rumah panjang ini jauh sekali di antara satu dengan lain dan jarak jauh di antara sebuah rumah panjang dengan jirannya mungkin sampai 10 batu. Mana yang mempunyai rumah panjang dekat dari batang sungai, perhubungan mereka adalah lebih mudah sedikit daripada mereka yang duduk di ulu sungai.

Mengikut sejarah, mereka ini hidup bertaburan di tempat pendalaman, kerana nafkah mereka dari nenek moyang dahulu bergantung kepada tanaman padi bukit dan kepada

sungai sebagai cara perhubungan. Mereka datang ke Sarawak adalah didesak oleh kehormatan untuk mendapat luas tanah yang boleh dirimba untuk "shifting cultivation", dan dalam masa 200 tahun ini, mereka terpaksa berpindah semakin jauh di ulu Sungai Kalam bentuk hidup ini dibiarkan, maka penduduk-penduduk ini mungkin tidak akan dapat menerima faedah-faedah daripada usaha pembangunan negara kita.

Sekarang pula, bentuk hidup baru sedang dialami oleh mereka ini, mereka diberi peluang untuk menikmati kemudahan pelajaran. Kerajaan telahpun berusaha untuk membina sekolah-sekolah rendah kecil untuk memberi anak-anak mereka peluang belajar. Oleh sebab mereka ini bertaburan dalam lebih daripada 3,000 kampung dan rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman, maka sekolah yang mampu diberi tidaklah boleh berupa sekolah yang cukup baik daripada segi bahan pembangunan. Walau bagaimanapun, sebab ada keazaman bagi pihak ibubapa dan anak-anak kecil, dapatlah kita menyaksikan anak-anak umur 6 tahun sampai 12 tahun bangun awal pagi berjalan ataupun berkayuh ke sekolah yang kerap kali terletak 3 atau 4 batu jauh daripada rumah mereka. Kebanyakan daripada anak-anak ini dapat menyambung sekolahnya sehingga darjah 6. Dahulu hanya 10% daripada mereka sahaja ada peluang untuk melanjutkan ke sekolah menengah. Syukur kepada dasar Kerajaan yang telah membatalkan peperiksaan "Common Entrance", lebih banyak daripada anak-anak ini diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah menengah. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah menjalankan "crash programme" untuk menambah tempat-tempat bagi anak-anak Sarawak menyambung pelajaran ke sekolah menengah.

Tetapi sebanyak manapun yang dapat melanjutkan pelajarannya ke sekolah menengah ataupun ke Universiti, anak-anak ini mungkin tidak mempunyai peluang untuk berkhidmat dan menjalankan peranan dalam pembangunan masyarakat asal mereka. Rumah panjang dan kampung-kampung yang mempunyai penduduk-penduduk kurang daripada 5,000 tidaklah dapat menjadi asas pembangunan yang cukup atau "constitute a viable-size community". Oleh sebab itu, maka kebanyakan daripada anak-anak yang lulus dari Tingkatan Tiga mungkin akan meninggalkan kampung halaman mereka, dan

tinggal di bandar-bandar untuk mencari pekerjaan yang lebih baik dan yang dapat menggunakan latihan yang mereka dapati masa bersekolah. Mereka ini akan terasa sebagai golongan kecil dan kurang puashati di dalam bandar-bandar di Sarawak.

Sementara itu, harapan mereka dan harapan penduduk-penduduk di kampung asal mereka pula naik melambung tinggi, kerana mereka melihat potensi pembangunan yang telah dicapai di bandar-bandar. Memanglah natural bagi mereka ini mengharapkan bahawa pembangunan yang mereka saksi dalam televisyen dan wayang-wayang gambar yang telah berjalan di Semenanjung dan di bandar-bandar patutlah disampaikan kepada mereka juga. Mereka mesti akan ingin menikmati air paip, kemudahan bekalan elektrik dan pada satu ketika rumah-rumah batu seperti rakyat Malaysia yang sudah dapat menikmatinya. Mereka juga ingin mempunyai kipas angin, peti sejuk, radio dan televisyen. Malangnya, selagi kedudukan mereka bertumpuk-tumpuk setempat masih kecil, maka pembangunan-pembangunan yang mereka kehendaki itu sukar sekali untuk disampaikan kepada mereka. Tanpa menempatkan mereka semula dalam sesuatu golongan-golongan masyarakat yang lebih besar, pembangunan kepada mereka ini tidak lebih daripada yang ada kita dapat beri sekarang, iaitu merupai jetty dalam kampung dan balairaya kecil ataupun gereja-gereja kecil, sekim subsidi dan sekolah-sekolah bahan-bahan kayu.

Tambahan pula, ada sikap manusia yang tidak suka hendak berpindah daripada tempat adalah amat sukar. Sesuatu persiapan sikap untuk menghadapi pertukaran dan kemajuan mestilah difikirkan untuk dijalankan di kalangan mereka ini. Pemimpin-pemimpin masyarakat mereka ini patutlah daripada sekarang menyediakan sikap baru untuk memudahkan pertukaran dijalankan. Dalam keadaan ini, maka politik yang ingin mewakili mereka yang diam di pedalaman ini, tidaklah sepatutnya ditumpu kepada soal "emosi" sahaja, kerana soal emosi tidak boleh memperlengkapkan rakyat untuk menyambut rancangan-rancangan yang lebih besar. Oleh sebab itu, dari tahun 1974, pemimpin-pemimpin bumiputra di Sarawak terpaksa memandang lebih jauh ke hadapan untuk mempersiapkan mereka menghadapi masalah

negara Malaysia kita. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan para Menteri-menteri akan mengambil masa untuk melawat pejabat-pejabat dan projek-projek di merata negara untuk memberi lebih galakan dan pengawasan terhadap pelaksanaan dasar-dasar kita yang sebenar. Negara Malaysia, pada tahun-tahun enam puluhan telah dapat nama yang masyhur kerana sistem pelaksanaan projek-projek pembangunan dan sistem pentadbiran kemajuan pada amnya. Saya merasa "semangat enam puluhan" itu telah lemah sedikit pada masa ini, walhal kehendak-kehendak kita untuk semangat seperti itu adalah lebih, di bawah usaha negara kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Saya sendiri mempunyai harapan bahawa pasukan Kabinet yang kita mempunyai pada masa ini, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, adalah satu yang cekap dan jujur dan boleh mentadbirkan negara kita ke arah kemajuan, kebanggaan dan perpaduan sepenuhnya.

Saya harap Mid-Term Review yang sedang dibuat di atas Rancangan Malaysia Ketiga akan menjadi satu peluang yang baik untuk kita mempergiatkan lebih lagi segala usaha kita ke arah tujuan-tujuan yang murni ini.

Dalam perkara semangat toleransi juga, kita hendaklah berwaspada kepada sikap-sikap yang tidak sihat dalam golongan muda dan mempunyai sedikit pelajaran. Baru-baru ini kita terdapat satu golongan yang berfikiran extreme dalam keguamaan yang telah membinasakan Kuil-kuil Hindu di beberapa tempat. Selepas kita merdeka 21 tahun, dan telah merasa toleransi dalam perkara-perkara keugamaan beratus-ratus tahun, sudah timbul pada masa ini golongan-golongan tertentu yang amat "terlampau" atau "extreme" dalam kepercayaan agama mereka. Kita terdapat dalam masyarakat Malaysia pada masa ini satu tendency yang tidak sihat untuk mengecil-ngecilkan ugama-ugama orang lain. Beberapa kali dalam penyiaran RTM, dalam tulisan-tulisan dan dalam pembuatan seperti yang saya sebutkan tadi, kita dapat memperhatikan akibat kepercayaan yang extreme seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, satu majalah telah diterbitkan bernama "Dian Digest" dalam keluaran keduanya pada bulan September 1978, telah mengandungi satu

cerita nama "Jejawi Berjanggut Panjang", yang dengan jelasnya mengecil-ngecilkan agama Hindu dan cara sembahyang mereka. Ini telah menimbulkan perasaan marah di kalangan masyarakat Hindu. Saya minta Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang mempunyai tanggungjawab kawalan perkara-perkara seperti ini, untuk mengambil tindakan yang keras di atas majalah-majalah seperti ini. Kementerian beliau mestilah memaksakan perasaan yang lebih tanggungjawab di kalangan penerbit-penerbit majalah dalam hal ini.

Negara Malaysia mempunyai tempat dan peluang yang cukup untuk semua rakyat. Kekayaan hasil bumi dan kebolehan rakyat, serta pimpinan yang kita telah bernasib baik menikmati sejak merdeka, semuanya adalah asas untuk kemajuan negara dan rakyat sekalian. Kerajaan kita yang "berjiwa rakyat" mempunyai potensi yang penuh untuk mengelakkan kejadian-kejadian dan tindakan-tindakan yang mengakibatkan perpecahan di kalangan rakyat dan kelemahan dalam usaha memajukan nasib rakyat.

Saya harap Kerajaan akan menggunakan potensi yang penuh ini untuk mengekalkan asas negara kita dan asas kehidupan dan kemajuan rakyat.

Masalah-masalah seperti kerumitan dalam pengeluaran kerakyatan kepada pemuda-pemudi dan dewasa yang telah membuktikan segala kelayakan mendapatnya, pengambilan pekerja-pekerja yang tidak seimbang baik di sektor Kerajaan ataupun swasta, keengganan memberi peluang pertanian kepada golongan rakyat di luar bandar yang tidak mempunyai tanah dan lain-lain, tidaklah diteruskan di negara kita yang penuh kekayaan dan peluang, seperti saya sebutkan tadi. Kita mestilah memupuk satu pandangan jangka panjang dalam soal-soal seperti ini dan bukan sikap sempit. Perkara-perkara seperti inilah selalu digunakan oleh pihak-pihak yang tidak taat setia kepada negara, ataupun mencari modal politik mereka sendiri. Mereka ini harus tidak diberikan peluang-peluang untuk menggunakan issue-issue seperti itu bagi menaikkan perasaan perkauman yang akan membawa akibat yang buruk kepada kita semua.

Kenjayaan kita, pada akhirnya, adalah terletak di atas kita semua memandang panjang dan liberal dalam semua kegiatan negara. Titah di Raja yang telah memberi

kepentingan yang penuh kepada perkara-perkara ini adalah dialu-alukan oleh semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul tadi.

5.24 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas usul-usul yang ada di hadapan kita ini di samping itu saya gemar memberikan pandangan-pandangan yang ada kaitan dengan Titah Di Raja.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana titah baginda dalam masa pembukaan Parlimen Kelima pada 9hb Oktober, 1978 yang lalu telah menyatakan dengan selesainya pilihanraya, masanya telah tiba bagi Ahli-ahli Yang Berhormat menumpukan sepenuh perhatian kepada tugas dan tanggungjawab serta kewajipan Ahli-ahli Yang Berhormat serta menyeru rakyat memberikan sokongan kepada usaha-usaha memenuhi semua dasar matlamat negara seperti yang diputuskan oleh rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dalam pilihanraya ini Duli Yang Maha Mulia dalam Titah Ucapannya telah menyentuh satu perkara yang saya pandang adalah berat yang patut diambil perhatian oleh semua rakyat dalam negara ini tetapi kejadian-kejadian yang ada di dalam pilihanraya ini patut diperhatikan.

Pertama, menurut hemat saya, kurang berlaku berhubung dengan penolakan calon-calon tetapi pilihanraya ini sangat berleluasa berhubung dengan penolakan calon-calon samada daripada pihak parti Kerajaan dan juga parti yang lain.

Ini menurut hemat saya, mungkin juga kurang penerangan yang diberikan oleh Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya kita kepada parti-parti. Sepatutnya perkara yang semampai ini tidak akan berlaku hingga sekarang perkara-perkara ini telah membawa ke mahkamah. Saya harap Kerajaan mengambil perhatian dalam masalah ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sangat baik pilihanraya yang lalu tidak diadakan rapat umum. Ini satu kejadian yang sihat yang boleh membawa semua rakyat berfikir dengan aman, bebas memilih calon-calon yang mereka kehendaki.

Selain daripada itu, dalam kaitan pilihanraya ini juga kita dapat ada rakyat yang hampa memilih wakilnya padahal mereka telah bersungguh-sungguh mendaftarkan diri sebagai pemilih tetapi bila pergi ke tempat membuang undi maka didapati nama mereka tidak ada di dalam daftar. Ini semua kesilapan bukan daripada pengundi. Ini adalah kesilapan dan kelemahan daripada pegawai-pegawai pilihanraya yang ditugaskan di tempat itu. Pada tiap-tiap tahun Kerajaan memberikan peluang supaya rakyat menyamak hak-hak mereka boleh menjadi pemilih dalam negeri ini. Perkara ini saya fikir patut diperhatikan oleh Kerajaan dan kalau ada pegawai-pegawai yang menyelewengkan hak-hak mengundi ini, patut diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai kita dapati rakyat dalam negeri ini yang layak menjadi pemilih tetapi belum didaftarkan. Walaupun kita tidak ada mempunyai satu peraturan undang-undang mewajibkan mereka supaya mendaftarkan sebagai pengundi tetapi hendaklah diberi satu jalan terutama sekali penduduk-penduduk di luar-luar bandar supaya mereka mendaftar menjadi pemilih, tatkala itu mereka yang layak menjadi pengundi memilih Kerajaan dalam negeri ini. Ini satu perkara yang penting. Kita tidak boleh berbangga dengan keadaan apa yang kita kata, kita sudah berpuas hati. Menurut hemat saya, kita belum puas hati lagi, berapa banyak, beratus-ratus pengundi yang layak memilih wakilnya tidak dapat mengundi. Bukan salah mereka. Saya fikir satu perkara yang patut difikirkan oleh Kerajaan, sebab kita akan menempuh pilihanraya mengikut Perlembagaan tiap-tiap lima tahun sekali.

Dalam perkara ini, gemar saya membangkitkan bahawa rakyat dalam negeri ini juga dalam pemilihan wakil-wakil mereka telah terpengaruh dengan dasar-dasar perkauman yang tebal tidak mencorakkan masyarakat Malaysia, terutama sekali dalam kawasan-kawasan bandar. Mereka tidak memilih wakil rakyatnya yang bercorak rakyat Malaysia. Mereka memilih wakilnya yang bercorak perkauman. Kalau ini diamalkan seterusnya, satu perkara yang merugikan rakyat, sebab pemilihan ini, menurut hemat saya, wakil rakyat itu tidak benar-benar tulin, sebab mereka bukan diwakili oleh semua lapisan rakyat Malaysia ini. Mereka dipilih oleh satu golongan daripada kaum itu; mereka dapat wakil yang akan menyua-

rakan kehendak kaum ini, jadi keadaan ini tidak seimbang dengan kehendak negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda telah bertitah di antaranya menyeru rakyat jangan lalai dalam perjuangan, memelihara kemerdekaan Malaysia, jangan membenarkan diri mereka dipengaruhi oleh fahaman-fahaman asing yang boleh menjejaskan kebebasan hak kita. Titah ini satu titah yang tinggi nilai dan mutunya, mengingatkan seluruh rakyat Malaysia yang ada dalam negeri ini, sebab menurut pandangan dan hemat Kerajaan bahawa sebilangan besar rakyat dalam negeri ini telah berpengaruh dengan fahaman-fahaman asing untuk menjalankan pemerintahan dalam negeri ini.

Kita juga sedia maklum, rakyat Malaysia ini terdiri daripada keturunan bumi dan bukan bumi, orang yang mendatang dan orang asli. Banyak orang yang mendatang ini, mereka menurut Perlembagaan diberi hak, mendapat kerakyatan, mendapat semua kebebasan, keadilan dalam negeri ini, tetapi malangnya daripada golongan ini telah merasuk fikiran rakyat ini. Saya anggar lebih kurang 10% rakyat yang menjadi warganegara ini melalui pendaftaran 10% daripadanya telah dirasuk oleh ingatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mereka ini bila sudah dirasuk dengan sendirinya rakyat Malaysia ini menjadi anasir bawah tanah, pengganas kominis, menjadi anggota pengempur dengan tujuan hendak menggulingkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini supaya dapat sebuah Kerajaan yang sesuai dengan nafsu dan kehendak mereka dan mereka juga menjadi golongan anti-nasional. mereka juga bekerjasama dengan kominis sebagaimana baru-baru ini telah diterangkan oleh Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis bahawa penyeludupan ini juga bekerjasama dengan kominis, ertinya golongan pengganas kominis Malaya ini hendak mencari tabung kewangannya. Selain daripada meminta kepada rakyat yang jauh-jauh daripada bandar, mereka juga bekerjasama dengan penyeludupan, bukan penyeludupan dalam negeri ini, mereka juga mungkin bekerjasama dengan penyeludupan antarabangsa yang masyhur sekarang iaitu mengedarkan dadah ke seluruh dunia ini untuk mendapatkan kewangan yang begitu baik. Ini juga mencemarkan nama baik Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dibuat perincian daripada 300 kes yang terjadi di luar negeri menyeludupkan dan mengedarkan dadah itu, boleh saya katakan 95% daripada golongan anti-nasional yang mereka menjadi warganegara negeri ini yang patuh, taat setia kepada negeri ini.

Untuk membetulkan hal ini, menurut hemat saya yang cetek ini dan golongan ini minta maaf kalau boleh saya sebut masyarakat yang saya katakan 10% iaitu masyarakat keturunan China. Masyarakat keturunan China yang menjadi warganegara Negeri ini dan juga menjadi warganegara dalam ASEAN, menjadi masalah negara ASEAN. Selagi kita tidak betulkan masalah ini, selama itu dasar aman, bebas dan berkecuali dalam negara Malaysia khususnya dan ASEAN amnya tidak akan dapat dicapai. Menurut hemat saya, ini satu perkara besar; mereka mempunyai pendirian sendiri untuk memperjuang cita-cita mereka supaya tercapai dan mengeneipkan hak-hak bumibutra dalam negeri-negeri ASEAN ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, menurut keterangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada tahun hadapan beliau akan melawat Kerajaan Republik Rakyat China dan akan menemui pemimpin-pemimpin besar China, Perdana Menteri China yang pada masa sekarang sikap Kerajaan China di sana sangat baik terhadap Malaysia dan dialah yang pertama sekali mengucapkan tahniah atas kemenangan parti Barisan Nasional sebelum kuasa luar lain seperti Amerika, Russia.

Kerajaan China telah mengucapkan tahniah atas kemenangan parti Barisan Nasional dalam negeri ini dan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengetuai Kerajaan, sebab mereka mendapat kacamata daripada Duta yang ada dalam negeri ini, mereka telah memberikan satu keadilan yang sangat baik kepada rakyat keturunan Cina yang menjadi warganegara ini. Tetapi yang 10% tadi macamana kita hendak betulkan, walau kita pujuk, kita berikan kemudahan, berikan kekayaan, berikan kerakyatan, tetapi perjuangan mereka sebagaimana Titah Duli Yang Maha Mulia ini juga mereka cuba hendak dipengaruhi oleh anasir asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perjumpaan itu kelak, kalau boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita membuat satu perundingan dengan Kerajaan Republik

Rakyat China supaya kita buat satu kajian, berapa ramai rakyat ini yang telah dibuang negeri yang menjadi anasir komunis, yang anti-nasional, dikumpulkan satu ketika kelak jumlah ramainya dan rakyat ini kita minta Kerajaan China supaya terima balik ke negeri China. Itulah yang sesuai bagi jiwa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia tidak ada tempat lagi bagi mereka bukan sahaja ditolak oleh orang bumiputra, orang-orang Cina yang taat setia pada negeri inipun tidak suka kepada golongan ini, dan mereka ini juga yang menghasut golongan orang-orang Cina yang taat setia pada negara kita.

Kepada mereka ini kalau diberikan kerjasama oleh Kerajaan besar ini, ini atas dasar Malaysia, toleransi sebagaimana kata kawan saya tadi, kerjasama, tolak-ansur. Orang Malaysia ini sabar, mahu muhibbah, berbaik-baik, mahu menerima orang-orang ini dan Kerajaan China pun memperkatakan bahawa ia tidak mahu akan mencampuri urusan se-sebuah negeri. Ini kita hormati, jadi dengan keadaan ini kalau dapat diterima golongan ini oleh Kerajaan Republik Rakyat China, maka alangkah senangnya Malaysia ini menjalankan pembangunan, anggaran-anggaran kerana mencegah keselamatan dalam negeri ini dapat dikurangkan untuk pembangunan. Boleh kita katakan yang menjadi komunis Malaysia ini, yang sedang berada di sempadan, yang sedang ada dalam negeri ini, saya kata 95% daripada golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tentulah susah hendak membuat keadaan apa yang saya cakap ini, tambahan pula datangnya fikiran saya, fikiran daripada seorang yang tidak berpengetahuan, tetapi datangnya daripada seorang rakyat Malaysia yang tulus ikhlas. Kata saya tadi rakyat Malaysia sabar, rakyat Malaysia tidak mahu menjadikan orang yang kita kasihi, orang yang kita sudah hormati macam mana yang telah terjadi di Vietnam, Vietnam menghalau orang-orang ini dengan sebab apa, Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab perasaan kebangsaan Vietnam diperbudak-budakkan oleh anasir ini dari segi politiknya, segi pentadbirannya, segi ekonominya, Vietnam halau mereka keluar. Malaysia tidak mahu begitu. Kalau di Burma dihalaunya orang Bangladesh, fasal apa? Tentulah ada sebab-musabab daripada semangat nasional negeri itu. Jadi sebelum daripada perkara ini mengancam

mereka sebab tadi telah saya katakan warga-negara Malaysia daripada bumi ini ia sentiasa memerhati dari selangkah ke selangkah, dari semasa kesemasa bersama-sama dengan rakyat yang taat setia dalam negeri ini akan keadaan-keadaan yang dibuat oleh golongan-golongan ini.

Dengan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada berlakunya apa yang dibuat oleh orang-orang Vietnam, mudah-mudahan Allah taala jauhkan di Malaysia ini, lebih baik kita rundingkan dari awal-awal lagi mengenai masalah ini. Itulah sebabnya Singapura sampai sekarang belum lagi membuat hubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Rakyat China dan juga Indonesia. Fasal apa? Fasal masalah keturunan orang China di seberang laut inilah yang sama sebagaimana golongan yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sangat menguntungkan kalau dapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bincangkan masalah ini dengan Kerajaan kuasa besar itu dengan cara tak langsung, sebab kita mahu kawasan aman bebas dan berkecuali tetapi kalau pergolakan ini akan berlaku di tanah-air kita, tujuan hendak mendapat keamanan tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua patut diperbincangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan Kerajaan Republik Rakyat China supaya dagangan kita keluar kepada negeri China itu dapat ditambah banyakkannya, sebab di sana ada 800 juta manusia. Kalau dapat menggunakan barang-barang Malaysia, alangkah baiknya pasaran kita antara dua buah negeri ini.

Kalau Jepun mahu berbaik-baik dengan Kerajaan China yang telah bermusuhan selama 30 tahun tetapi kita lebih patut merapatkan, sebab bahan-bahan mentah dalam negeri kita sentiasa diperlukan oleh negeri-negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya kalau boleh, diberikanlah peluang umat-umat Islam dalam Kerajaan Republik Rakyat China di sana yang ingin hendak memasuki Musabbaqah Al-Quran yang dibuat oleh Malaysia pada tiap-tiap tahun kerana di sana juga tidak kurang daripada 80 juta umat Islam, mereka boleh menghantar wakil qari/qariahnya dalam Musabbaqah Al-Quran

yang kita adakan pada tiap-tiap tahun. Kalau dalam sukan kita boleh buat dengan cara ini, kenapa dalam Musabbaqah Al-Quran tidak boleh. Ini juga satu perkara yang boleh menghubungkan pertalian antara kita dengan dua buah Kerajaan yang besar yang sangat berpengaruh dalam dunia, tambahan pula mereka mempunyai satu tujuan Islam, iaitu "Asyhadu anlaa ilaaha illallah Wa asyhadu anna Muhammadar rasulullah" walau dia kominis, dia Islam, dia diakui Islam.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi dalam Titah Di Raja telah mengatakan, "Kerajaan Beta yang berjiwa rakyat untuk melaksanakan berbagai rancangan supaya taraf hidup rakyat, terutama mereka yang miskin dapat ditinggikan." Begitulah jujurnya Kerajaan Malaysia ini dalam hendak meninggikan taraf hidup rakyat, tidak menyebut orang Melayu, orang India—rakyat yang miskin; orang China, orang India yang miskin, itulah usaha Kerajaan hendak memperbaiki taraf hidup. Dengan jelas ucapan ini. Kita telah merdeka selama 21 tahun. Kita buat Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan sekarang Ketiga, rakyat masih mengeluh lagi, bukan sahaja rakyat yang saya sebutkan ada rakyat yang tidak puas hati dengan pentadbiran Kerajaan negeri ini, rakyat bumiputra sendiri mengeluh dan tak puas hati. Siapakah rakyat ini, Tuan Yang di-Pertua? Pekebun kecil kita, penanam padi, nelayan, pekerja ladang dan perkilangan. Saya tak nafikan ada usaha Kerajaan hendak memperbaiki, meninggikan taraf golongan-golongan ini tetapi masih terus lagi mereka mengatakan bahawa taraf hidup mereka belum dapat diperbaiki pada keseluruhannya.

Saya contohkan, Tuan Yang di-Pertua, pekebun kecil getah yang mengeluarkan hasil utama dalam negeri kita ini. 57% pengeluaran getah yang dikehendaki oleh dunia dikeluarkan oleh pekebun kecil yang tergolong daripada masyarakat tidak kurang daripada 3½ juta yang ada kaitan dengan getah tetapi getah siapa yang mahal harganya? Getah pengeluaran ladang-ladang, getah pengeluaran pekebun kecil ini masih dikira gred 5, gred 4, kenapa? Kerajaan ada tubuhkan MARDEC, Kerajaan ada buat pusat getah berkelompok. Rancangan ini juga tidak memberi kesan, sebab saya kira begini. Kalau getah ini 1 kilo, saya bukan ahli ekonomi macam Yang Berhormat Tuan Kamarul

Ariffin, getah ini 1 kilo \$1.20. Kerajaan mengutip cukai sama, samada ladang atau pekebun kecil kira-kira 62 sen pada keseluruhan cukai, kalau ini salah boleh dibetulkan, tetapi cukainya begitulah hampir 60 sen dikenakan cukai yang dikutip oleh Kerajaan samada cukai import, cukai eksport, macam-macam cukai. Kerajaan mengambil cukai ini daripada pekebun kecil, yang tinggal pada pekebun kecil hanya harga 60 sen. Kenapa Kerajaan tidak boleh menaikkan taraf harga getah, nilai mutu (quality) getah pekebun kecil itu sama dengan getah ladang dan MARDEC pun ada, kenapa getah daripada MARDEC itu boleh dijual tetapi harganya masih murah juga, sebab MARDEC ini membiayai pegawai-pegawai yang bekerja dengan MARDEC. Kalau Kerajaan hendak tolong pekebun kecil, kenapa tidak dibuat seperti ajensi yang lain seperti FELDA, FELCRA, pegawai-pegawainya dibayar gaji oleh Kerajaan tetapi bila kena kepada pekebun kecil, mereka juga kena bayar kos-kos berhubung dengan pentadbiran penjualan getah MARDEC yang bermutu baik. Perkara ini saya fikir patut difikirkan balik.

Satu perkara lagi mengenai pekebun kecil, Tuan Yang di-Pertua. RISDA telah buat kebun getah dan kelapa sawit sebanyak 100,000 ekar, kalau salah boleh dibetulkan, telah ditanam dengan getah, telah ditanam kelapa sawit tetapi hasil yang dapat daripada RISDA daripada hasil pekebun kecil hingga sampai sekarang Kerajaan belum menentukan berapa hak yang didapati oleh pekebun kecil pada hal modal ini datangnya daripada pekebun kecil. Inilah keadaan-keadaan yang saya katakan pekebun kecil masih bersungut lagi sekarang.

Bila saya sebut RISDA, Tuan Yang di-Pertua, biar saya sentuh sedikit dalam pemberian benih-benih getah RISDA pula sekarang. Dahulu kita sudah sentuh dalam Parlimen Dewan Rakyat/Dewan Negara telah diperbetulkanlah benih ini, sekarang sudah tak betul balik, benih yang diberi itu bukan benih mutu yang baik, pekebun kecil menanam getah itu tidak boleh hidup—mati, bukan mutu yang baik yang dikeluarkan oleh sebuah kontrek. Ini juga berbalik penyakit lama. Walhal wang benih-benih getah itu dipotong daripada bantuan menanam semula getah. Kalau satu ekar ditanam 180 batang tetapi yang hidup cuma 60-70 batang, diberi bantuan tambahan lagi, ditanam, tidak hidup

juga lagi, kalau hidup, sudah tidak sama, tidak macam ladang keseluruhannya. Ini juga patut diperhatikan kalau benar-benar kita hendak menolong pekebun kecil ini, wangnya sendiri, Kerajaan potong cukai getahnya tiap-tiap satu kati 4 sen lebih menurut ingatan saya wang pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya sentuh mengenai penanam padi. Kerajaan memandang bahawa penanam padi ini satu hasil yang kecil, tidak macam bijih timah, tidak macam kayu balak, tidak macam getah. Penanam padi ini walaupun mereka ini mengeluarkan keringatnya bersusah-payah, walaupun ada bantuan-bantuan Kerajaan, tetapi bila penanam padi kita ini hendak minta tambahan harga padi supaya dinaikkan, Kerajaan menjawab bahawa harga padi tidak boleh dinaikkan kerana ia akan melibatkan hal-hal yang lain. Inilah nasib penanam padi ini yang 95%nya bumiputra, duduk di luar bandar, takut Kerajaan hendak naikkan \$40 sepikul. Padahal kalau ikan kembung dahulu orang kampung beli 50-60 sen sekati, sekarang \$2.00 sekati, Kerajaan tidak bantah apa-apa. Jadi, masalah ini adalah masalah negara dan menanam padi di negeri kita ini tidak boleh mencukupi untuk makanan negeri ini, ini mainan daripada penjajah dahulu. Apa salahnya kawasan padi yang begitu luas dalam negeri kita yang sekarang ada bermacam-macam rancangan Kerajaan hendak buat, apa salahnya kita buat satu rancangan menanam padi, biar cukup makan dalam negeri ini dan boleh kita eksportkan keluar negeri, menolong negeri-negeri yang mundur. Apa salahnya, tetapi tidak ada rancangan itu. Dibuat rancangan kurang. 85% sahaja yang cukup, 15% kita kena beli beras daripada Thailand, daripada China, daripada Bangladesh, sudah beli itu pula macam-macam masalah yang timbul. Itulah saya katakan tadi pertanian dalam negeri kita ini walaupun sekarang ada Jawatankuasa Kabinet hendak membetulkan berhubung dengan pertanian, saya tidak tahu samada dapat diterima oleh rakyat membaiki taraf hidup bagaimana Titah Di Raja ini, kita sama-sama tunggu.

Begitu juga nelayan, masalah ikan. Ikan kita sekarang ikan laut sudah tentulah susah, bermacam-macam rancangan. Ada rancangan hendak menangkap ikan di laut dalam. Bunyi sahaja laut dalam tetapi ikan mahal juga. Ada yang bela ikan dekat sungai dan di Selat Melaka, kena pula minyak tumpah. Minyak tumpah itu yang kayanya

saudagar minyak, mereka itu yang senang, minyak tumpah, mereka boleh ganti, tetapi yang menderita nelayan-nelayan dan rakyat negeri ini tidak dapat makan ikan. Ikan sungai pula kalau harganya turun, apa hendak jadi? Buat pembangunan, tebang segala hutan di Pahang, di Johor, Negeri Sembilan, Kedah—semua sekali, bila ditebang hutan ini, buat kilang kelapa sawit, air sungai Pahang yang begitu dalam sekarang sudah jadi tohor—buat kilang, kilang itu mengalirkan sisa-sisanya samada kelapa sawit dan getahnya kepada sungai, habis semua ikan sungai tidak hidup. Ini yang didapati oleh rakyat dalam negeri ini dalam rancangan kita yang perlu dibaiki. Kita jangan tamakkan pembangunan tetapi merosakkan kejadian alam dan merosakkan hidup rakyat, itu yang kita tidak mahu. Rakyat sekarang berapa susahnya hendak makan ikan darat, dahulu ikan sepat mudah kita dapati, di Tanjong Karang, ikan sungai mudah kita dapat, tetapi sekarang hendak cari ikan sungai pun susah, sampai buat cerita dongeng; Malaysia mempunyai ikan air tawar yang special sekali dalam dunia—Ikan Jelawat. Satu kati \$40. Itu yang dimegahkan tetapi rakyat yang tidak dapat ikan itu tidak diceritakan. Bukan tidak buat, buat juga—buat kolam, berilah subsidi kepada rakyat di luarbandar untuk membuat kolam. Kolamnya satu rantai, dua rantai, suruh hidupkan ikan. Kalau dengan keadaan inilah tidak dikaji balik berhubung dengan perikanan, sama ada ikan laut dan ikan darat, saya fikir rakyat dalam negeri ini akan kurang zat protin, akan kurang dapat memakan ikan.

Udang yang baik-baik di negeri Sabah itu dihantar ke negeri Jepun, hantar ke Amerika padahal menurut pandangan saya di Malaysia ini banyak kawasan-kawasan kolam, tasek dan kawasan-kawasan haidro letrik yang banyak empangan-melaut-laut, apa airnya salahnya Kerajaan membuat satu projek yang besar, panggil pakar daripada Amerika, baikkkan ikan sungai dan udang-udang ini dengan secara besar-besaran, kita—keluarkan belanja, airnya sesuai, tetapi taseknya tidak ada diusahakan, cuma tinggal ter-bengkalai dengan keadaan yang seperti itu. Jadi, untuk hendak menebuskan kekurangan ikan air tawar dalam negeri kita ini, janganlah harap ikan air tawar dapat dari sungai lagi, tidak boleh diharap tetapi Kerajaan

mestilah membuat satu kawasan lain untuk menternak ikan air tawar dengan cara besar-besaran, barulah saya fikir keadaan ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya kata tadi mengeloh ialah kerja ladang. Pekerja-pekerja ladang ini juga belum dapat diperbetulkan lagi. Kalau kita kata orang India yang banyak kerja di ladang, kita sekarang bukan kata dia orang India, yang banyak bekerja di ladang bukan orang India sahaja tetapi termasuk juga orang China dan sebagainya yang mencerminkan warganegara Malaysia. Taraf hidup mereka yang di ladang ini, pada masa duduk di ladang itu bolehlah dijamin baik, gajinya baik, rumahnya baik kerana mengikut nasihat Kementerian Buruh, tetapi setelah mereka keluar daripada ladang ini, itu yang kita persoalkan dan mesti kita pertanggungjawabkan. Kita mesti buat satu kajian di mana mereka ini kita akan dudukkan. Ini semua ada kaitan dengan pertanian. Kalau mereka duduk di ladang dengan dasar pertanian, kita boleh gunakan dalam dasar pertanian kita yang dibuatkan satu susunan, dibuatkan satu program kerana menguntungkan negara.

Selain daripada itu, dalam Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengatakan pentadbiran Kerajaan keseluruhannya adalah tinggi kepada seluruh pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, Baginda merayu supaya menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang akan dilakukan dan khidmat yang penuh semangat untuk kejayaan dan kesejahteraan watan.

Saya hendak sentuh mengenai kakitangan Kerajaan. Ini satu perkara yang sangat penting, kita akan luluskan wang bermilion-milion, kita buat projek yang baik-baik, kita ambil nasihat daripada pakar ekonomi, pakar perancangan yang baik-baik tetapi kalau kakitangan Kerajaan yang kita harap ini tidak dapat melaksanakan, tadi Yang Berhormat rakan sejawat saya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar telah mengatakan kalau kakitangan Kerajaan yang tidak sanggup bekerja suruh berhenti, itu cakupnya sendiri. Kalau dia tidak mahu berhenti apa hendak kata? Dia kerja juga, sebab dia bekerja di bawah satu badan bebas. Dia boleh kerja akan tetapi kerja dengan hati yang tidak begitu ikhlas, dengan sebab ada tekanan-tekanan bunyi yang kurang menyenangkan, mereka akan kerja sambil lewa, maka yang

terbengkalai bukannya mereka, yang terbengkalai segala rancangan Kerajaan yang diharapkan oleh rakyat, tetapi saya minta Kerajaan tunaikan cabaran ini supaya dapat diterima oleh rakyat, ditengok oleh rakyat yang memilih Kerajaan yang berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan ini dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa sebuah negara seperti Malaysia ini yang mengamalkan sistem Kerajaan demokrasi, seluruh kakitangan pentadbiran Kerajaan adalah dihalakan ke arah menyampaikan hasil yang cepat dan banyak kepada rakyat dan berikrar mewujudkan Kerajaan yang bersih dan cekap. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Ketua Kerajaan meminta pegawai Kerajaan yang menjadikan Kerajaan yang bersih, jujur dan cekap.

Bagi mencapai hasrat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin sebab perkara ini ada berhubung dengan pentadbiran dan saya hendak bercakap dengan secara betul, saya akan berpandukan kepada catitan saya ini, kalau saya bercakap dengan mengikut perasaan, mungkin tidak begitu dapat diikuti oleh pihak yang berkenaan. Jadi bagi mencapai hasrat ini, saya cuma memberikan pandangan-pandangan supaya dapat kiranya diberi pertimbangan ketika hendak melaksanakan tugas yang maha penting ini. Usaha yang diletakkan kepada pemimpin-pemimpin politik yang membuat dasar, hasil janji dalam manifesto pilihanraya yang mengandungi ahli-ahli Kabinet, Menteri Besar, Ketua Menteri termasuk ahli-ahli EXCO.

Yang keduanya, kita harapkan ke atas jentera pentadbiran samada Negeri atau Persekutuan melalui berbagai-bagai Kementerian, jabatan Kerajaan dan agensi Kerajaan, walau berlainan fungsinya, tetapi saling bergantung antara satu sama lain. Matlamatnya memberikan khidmat kemudahan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mendapatkan Kerajaan yang bersih, jujur dan cekap, hendaklah dikaji semula susunan pentadbiran yang lalu yang berupa lembab atau tidak jujur dari pucuk pentadbiran yang di atas iaitu daripada Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan hinggalah kepada Setiausaha Kerajaan Negeri. Mereka itu hendaklah diawasi dan diberikan pertimbangan daripada Ketua Setiausaha Negara

sebagai pegawai Kerajaan yang tunggal memegang tampuk pentadbiran negara kita ini. Jawatan ini dibantu oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab atas semua kakitangan Kerajaan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai membesarkan masalah kewangan dan perbelanjaan. Dari sini lahirlah Pegawai Daerah, lahirlah Penolong Pegawai Daerah yang menghadapi rakyat di luar bandar, dalam masalah pentadbiran Daerah-Jajahan. Sekiranya pentadbiran itu tidak menghasilkan kejayaan mereka akan dicemuh oleh rakyat atau sebaliknya rakyat sadar mereka mendirikan Kerajaan dan menagihkan janji dalam manifesto Kerajaan.

Yang ketiga, dalam pentadbiran juga ghalibnya peranan yang dimainkan oleh Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik (PTD) dan di zaman penjajahan disebut MCS, golongan ini saya kira diperhatikan dan dikaji oleh Kerajaan. Kalau perlu ditukarkan ke bahagian-bahagian lain, kerana pegawai PTD ini bergiat secara meluas dalam semua lapangan pentadbiran negara, seperti pentadbiran awam, pentadbiran ekonomi, perancangan ekonomi, pembangunan luar bandar, pembangunan sosial, pentadbiran tanah, pentadbiran daerah, Kerajaan Tempatan, hal ehwal luar negeri, keselamatan dalam negeri, pertahanan dalam negeri dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya kita tengok di akhir-akhir ini ramai pegawai ini sebagai pegawai pentadbir atau pengurus besar dalam perbadanan Kerajaan samada negeri atau pusat, pada mereka itu sangat diharapkan dalam pentadbiran Kerajaan supaya bertindak dalam bidang pembangunan yang rancak dan bertambah mendesak. Golongan ini berjumlah lebih kurang 2,100 orang akan memainkan peranan dalam pentadbiran negara yang mengandungi lebih setengah juta kakitangan Kerajaan, tetapi malangnya didapati beberapa kelemahan yang menjejaskan keupayaan mereka bertindak dengan lebih tegas.

Di antara punca kelemahan ini, pada amnya, pegawai ini terdiri daripada pegawai yang amat muda, saya minta maaf, sebab dalam Parlimen ini banyak pegawai muda. Mereka tidak mempunyai kepakaran dan kemahiran walaupun latihan telah diberi daripada INTAN dan lain-lain dipergiatkan, tetapi masih belum boleh diharapkan sebagai pegawai yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam berbagai bidang ini.

Kedua, golongan ini pula sedikit daripadanya atau ada sebahagian daripada membenci jika ada pelaksanaan projek itu berupa projek politik atau kehendak politik mereka meliarkan diri. Dia kata, saya bebas, saya bukan orang politik. Termasuklah dalam Dasar Ekonomi Baru dan ada kalanya pula didapati oleh rakyat yang membawa dan mendesak daripada parti yang sentiasa tidak dapat kerjasama daripada mereka—setengah daripadanya. Dengan sebab itu, setengah-setengah projek kita di luar bandar tidak dapat dijalankan mengikut jadual.

Yang anihnya, Tuan Yang di-Pertua, ada pula bilangan yang terdapat projek-projek dapat dijalankan segera sekiranya mereka ada menerima habuan dalam apa juga bentuk. Ini berlaku di luar bandar, kalau ada projek itu yang “ada minyak” mereka jalankan.

Kelima, Tuan Yang di-Pertua, semasa pentadbiran Rancangan Malaysia Ketiga hendaklah tegas. Sekiranya ada pegawai yang tidak cekap dan menyeleweng, hendaklah digugurkan sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Besar dan juga rakan sejawat saya yang baru berucap tadi. Habis kerasnya tindakan hukuman ditahan kenaikan pangkat atau tukarkanlah mereka dalam keadaan yang memuaskan. Ini satu gejala yang tidak sihat, ertinya kalau dikekalkan mereka itu juga duduk dalam keadaan yang tidak memuaskan pada menjalankan pentadbiran ini.

Keenam, Tuan Yang di-Pertua, ada setengah pegawai Kerajaan yang membocorkan rahsia Kerajaan kepada musuh negara atau kepada satu golongan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka. Ini tak boleh dinafikan, tetapi kalau seorang pegawai Kerajaan yang telah membocorkan rahsia negara, membocorkan rahsia Kerajaan kepada musuh negara, dan pihak Kerajaan pula tidak mengambil tindakan, tidak meneliti dengan begitu cermat, Kerajaan negeri ini akan kucar-kacir pentadbirannya, atau kalau dia tidak beri pada musuh negara, seringan-ringannya kerja yang dia suka dia bocorkan rahsia Kerajaan kepada parti-parti Pembangkang untuk menjadi bahan kepada Pembangkang, yang lebih ada bukti kenyataan—menyerang Kerajaan, yang datangnya dari pegawai-pegawai Kerajaan, bukan semua, saya minta maaf.

Yang ketujuh, usaha penggunaan Bahasa Kebangsaan yang lebih meluas belum dapat dilaksanakan, ada pegawai-pegawai Kerajaan yang belum boleh menguasai dengan sepenuhnya Bahasa Kebangsaan walhal kita telah merdeka 21 tahun. Inilah satu benda yang patut difikirkan.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan, Kementerian Kewangan hendaklah menambah kakitangan Kerajaan yang sangat berkurangan yang dikehendaki oleh jabatan-jabatan ini. Kiranya kita tidak dapat tambah kakitangan Kerajaan ini segala pelancaran projek Kerajaan tidak dapat berjalan mengikut jadual. Kita tidak mahu perah seorang pegawai membuat dua tiga kerja. Kita ada mempunyai wang yang lebih, kita gunakan pegawai-pegawai, anak-anak muda yang lulus daripada universiti dan kalau ada kerja-kerja yang patut, kita ambil pakar dari luar negeri kita terima supaya pembangunan kita ini berjalan dengan licin. Contohnya, saya pernah mendengar sungutan daripada Kerajaan Negeri Johor, Pegawai Pertaniannya kurang sekian, daripada Negeri Kelantan kurangnya sekian, Pegawai Juruternya kurang sekian, semua pegawai-pegawai ini sepertimana yang saya katakan tadi semuanya berkehendakkan bantuan, ramai pegawai yang ditugaskan, baharulah dapat menjalankan kerjanya dengan sempurna.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi? Ini sudah satu jam lebih. Tolong ringkaskan dan berilah peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Boleh saya bercakap sedikit lagi?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh tetapi tolong beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang lain.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Baik, Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya, saya mengalu-alukan juga pelepasan asing yang akan melaburkan wangnya ke dalam negeri ini membuat perindustrian dan perkilangan. Tetapi saya suka memberi ingatan kepada Kerajaan bahawa janganlah perkilangan yang akan kita masukkan ke dalam negeri ini akan memberikan kesusahan kepada rakyat seperti mana yang telah saya katakan tadi, dan hendaklah

bekerjasama penuh dengan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada mencegah kekotoran asap, kekotoran air dan kekotoran-kekotoran yang lain yang menyusahkan rakyat. Ini satu perkara yang sangat penting. Kita tidak mahu jadi negeri industri yang telah sesak dengan asap sehingga tidak boleh lari. Kita tidak mahu Malaysia ini menjadi negeri industri. Kita sebagai negeri pertanian.

Yang keduanya, bila sudah banyak industri dalam negeri ini, kita hendak awasi orang yang menanam modal dalam negeri ini daripada Kerajaan-kerajaan yang tertentu, kita khuatir bahawa mereka juga akan memainkan peranan politik dalam negeri ini, akan mempengaruhi dalam keadaan politik dan pentadbiran dalam negeri ini. Sekarang dari Jepun kita dapat penanaman modal yang baik daripada Eropah, daripada Amerika baharu-baharu ini. Jadi bila ada kuasa-kuasa besar menanam modal dalam negeri ini, kita tidak mahu negeri kita ini berkecamuk dengan kehendak-kehendak nafsu Kerajaan negeri itu melalui perindustrian ini. Kita tidak boleh buat apa-apa hanya kita boleh buat persediaan kalau industri-industri ini kelak hendak keluar daripada Malaysia ini, hendaklah diambil alih oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Yang ketiga, kita hendak jadikan masyarakat industri, Bila ramai rakyat Malaysia ini sudah menjadi masyarakat industri, Kerajaan juga mesti memikirkan kemudahan-kemudahan hak asasi manusia dan jangan mereka ini akan menjadi seperti robot. Dan kita tidak mahu bahawa industri yang diwujudkan dalam negeri ini mengambil pekerja-pekerja kita dengan gajinya yang begitu murah tetapi kita mesti ingat bahawa ini rakyat kita. Kerajaan kena menyusun supaya membentuk industri yang bercorak Malaysia, ertinya mereka ini mahukan tempat tinggal, mahukan tempat ibadat, pakaian mereka supaya sopan dan juga jangan mengadakan parti. Bila buat parti, mengikut kehendak industri diadakan pada tiap-tiap malam, percampuran sosial pekerja kita itu menjahanamkan rakyat negeri ini terutama wanita-wanita yang disangsi oleh ibubapa sekarang, was-was ibubapa hendak menghantar anak mereka bekerja di kilang. Ini yang kita tidak mahu. Kita mahu satu

pengawasan, pengawasan berhubung dengan rakyat yang hendak jadi industri ini, industri itu biar industri yang bercorak Malaysia, jangan bercorak Amerika, jangan bercorak Arab, jangan bercorak China, jangan bercorak Jepun.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersimpati kepada rakyat negeri kita yang hendakkan pakaian bersih bekerja di industri. Mereka tidak mahu menoreh getah padahal menoreh getah satu hari boleh dapat \$10—mereka tidak mahu, mereka hendak bekerja di kilang. Bekerja di kilang satu hari gajinya \$6.00. Di kilang katanya, pakaiannya bersih, sana ada parti, tempatnya baik. Walhal kalau dia pergi menyewa rumah di bandar, tolak dengan gaji bakinya tinggal \$30.00 dan \$40.00. Mereka sanggup hendak jadi orang industri. Jadi perkilangan ini juga mesti memikirkan tempat kediaman pekerja-pekerja ini. Janganlah tenaga rakyat Malaysia ini diperah untuk kepentingan pelabur-pelabur daripada luar negeri sampai ketikanya kita tidak akan berupaya dengan tidak dapat jaminan hidup yang baik pada masa akan datang.

Setakat inilah sahaja dan saya ucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuan Gabriel.

6.17 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong bagi Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima. Saya minta izin supaya diberi kebenaran kepada saya berucap dalam bahasa Inggeris di samping Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh beberapa perkara dalam Titah Baginda. Baginda juga menyentuh tentang pilihanraya umum yang lalu dan telah memperingatkan kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab Wakil-wakil Rakyat terutama sekali Ahli-ahli Parlimen.

Saya rasa amat gembira berdiri di sini untuk menyampaikan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-menteri dan

calun-calun Barisan Nasional yang telah berjaya merebut kerusi-kerusi Dewan Negeri dan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperingatkan sekalian hadirin bahawa Kerajaan sekarang yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn adalah yang paling teguh semenjak merdeka. Ini bukan bermakna Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra dan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak adalah lemah. Pimpinan-pimpinan mereka telahpun memberi sumbangan asas kekukuhan Kerajaan kita menikmati sekarang. Semenjak kemerdekaan pada tahun 1957 sehingga hari ini dan insya Allah jika diizinkan Tuhan negara kita ini akan berkerajaan yang paling kukuh dan dinamis di rantau Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, suasana politik di negara ini adalah tenteram berbanding dengan negara-negara lain tetapi ada juga sebilangan kecil yang perasaan tidak puashati. Kita ada musuh yang cuba mengancam keamanan negara tetapi oleh kerana kecekapan dan kehandalan pihak tentera dan polis, keadaan telah dikawal dengan cukup. Kita sedang menghadapi masalah perpaduan tetapi perpaduan rakyat Malaysia faham sefahaman antara satu dengan lain. Sifat tolong menolong antara satu dengan lain tidak boleh dibandingkan dengan negara-negara lain di dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah tuan sebutkan sebuah negara yang berbilang bangsa yang tidak menghadapi masalah perpaduan di mana adanya berbagai-bagai kaum. Ekonomi negara kita pun teguh dan kita memperoleh bahan-bahan mentah yang sangat perlu oleh negara-negara dalam dunia seperti getah, bijih timah, minyak kelapa sawit dan sebagainya, tetapi bahan keluaran yang penting sekali bagi sesebuah negara ialah rakyat muda yang berpelajaran, bersemangat dan dinamis.

Saya teringat semasa saya menghadiri mesyuarat Parlimen C.P.A. di India pada tahun 1975 tidak lama dahulu, di mana seorang wakil Parlimen British telah menegur saya dan memberitahu saya bahawa negara Malaysia adalah satu negara yang bertuah oleh sebab rakyatnya adalah bersemangat dan dinamis, dan katanya, itulah bahan keluaran yang amat penting bagi sesuatu negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah berjaya dalam segala bidang, dengan pimpinan Perdana Menteri-Perdana Menteri yang lalu dan Kerajaan-kerajaan mereka, tetapi kita telah bertambah maju dengan pimpinan Perdana Menteri Dato' Hussein Onn yang bersikap dinamis dan penuh dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pilihanraya umum yang lalu, kita mesti ingat tentang seruan Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn yang diberi kepada rakyat supaya mengundinya dan berjanji kepada rakyat bahawa jika beliau dan Kerajaannya akan berkhidmat bersungguh-sungguh untuk kebajikan negara ini. Selepas kemenangannya yang cemerlang itu, beliau telah memberi ucapan terima kasih kepada rakyat dan berjanji yang beliau akan menepati janjinya seratus peratus.

Teguran-teguran dan amaran-amaran yang diberi kepada Wakil-wakil Rakyat dalam Barisan Nasional di mana beliau telah memperingatkan kepada mereka tanggungjawab dan kewajipan mereka terhadap rakyat, dan amaran-amaran yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan supaya menjalankan tugas masing-masing dengan cermat dan penuh dedikasi, adalah sumber yang menggambarkan bahawa Kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri Dato' Hussein Onn kita adalah Kerajaan yang bersikap serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdoa supaya pegawai-pegawai Kerajaan, Ahli-ahli Parlimen dalam Barisan Nasional dan sekalian rakyat akan berdiri teguh di belakang beliau dan menyampaikan segala pertolongan dan sokongan supaya dapat beliau melaksanakan segala polisi-polisi dan projek-projek rancangan yang beliau sedang memikul di belakangnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kata Dato' Hussein Onn bahawa jika beliau boleh memperkukuhkan negara ini dengan menambahkan batu-batu asas ke sana dan ke sini, beliau akan rasa amat puas hati. Dengan ini, saya ingin merayu kepada tiap-tiap rakyat Malaysia supaya memberi sumbangan ikhlasnya dengan menambahkan batu-batu asas ini di mana yang perlu supaya dapat kita bersama memperkukuhkan dan meneguhkan lagi negara kita Malaysia selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selain daripada memperingatkan tanggungjawab dan kewajipan kepada Wakil-wakil

Rakyat, Baginda telahpun merayu kepada semua parti-parti politik dan pemimpin-pemimpin politik supaya merapatkan perhubungan demi kepentingan negara dan rakyat untuk mencapai keamanan dan perpaduan di kalangan rakyat di sini. Ini akan menunjukkan kepada negara-negara luar bahawa walaupun negara ini mempunyai berbagai-bagai parti politik, namun ia tetap bersatupadu semata-mata untuk kesenangan rakyat dan keamanan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tiap-tiap Kerajaan yang berdemokrasi berparlimen, selalunya ada perbezaan fikiran antara parti pemerintah dan parti-parti yang menentang atau Pembangkang. Tetapi kita mengkritik atau menentang ialah untuk memperbaiki keadaan yang buruk. Kita bukan membuat teguran-teguran atau mengkritik, sebab kita menjadi parti Pembangkang sahaja. Kita mengkritik untuk mengatasi masalah yang sedang menjadi salah. Parti Pembangkang telah menunjukkan kepada Kerajaan (parti pemerintah) iaitu sekian-sekian perkara bukan sesuai kepada rakyat atau negara. Kita bukan mengkritik sebab kita menjadi parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, sistem politik di negara ini hanya boleh bergerak dengan licinya apabila pihak-pihak yang tertentu boleh terima dan sanggup mendahului kepentingan rakyat jelata daripada kepentingan diri sendiri. Duli Yang Maha Mulia dan Perdana Menteri telahpun memperingatkan kepada Wakil-wakil Rakyat tentang tanggungjawab mereka terhadap rakyat, tetapi apakah yang boleh dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen dan Wakil-wakil Rakyat jika mereka tidak diberi kuasa yang patut. Ini perkara yang amat penting yang saya suka membawa di Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Parlimen termasuk Senator-senator, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri semua diberi gelaran "Yang Berhormat" dan telah diberi privileges tetapi kita mesti kaji sedalam-dalamnya adakah Wakil-wakil Rakyat Malaysia diberi kuasa untuk menjalankan tugas kepada rakyat dan negara. Bolehkah Wakil-wakil Rakyat menjalankan tugas dengan puashatinya jika tidak diberi kuasa? Amaran-amaran telah diberi kepada Wakil-wakil Rakyat oleh Perdana Menteri dari masa ke semasa tetapi Kerajaan tidak ingat untuk menambah atau beri kuasa yang patut kepada

Ahli-ahli Parlimen supaya mereka boleh menjalankan tugas dengan licin dan memuaskan hati rakyat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jika ingin, Yang Berhormat boleh menyambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, Selasa, 24hb Oktober, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.